

Wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 169 ● 17 - 23 JUN 2022 ● PP19441/12/2018 (035014)

PERCUMA

www.wilayahku.com.my

 [wilayahku.com.my](https://www.instagram.com/wilayahku.com.my)

 [Wilayahku](#)

 [@akhbawilayahku](https://twitter.com/akhbawilayahku)

 [Wilayahku](#)

 [WK TV](#)



Jangan halang pembangunan semula Kampung Baru



TIDAK adil kepada majoriti pemilik rumah teres dan pangsapuri kos rendah Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) di Kampung Sungai Baru, Kampung Baru yang mahukan rumah baharu lebih

selesa sejak tahun 2016 lagi. Mereka seramai 89 peratus atau 291 pemilik terpaksa berdepan dengan kerentang 37 pemilik dan waris rumah teres yang berterusan mendesak untuk mendapatkan pampasan yang

lebih tinggi sehingga merumitkan keadaan dan memaksa proses pembangunan itu tertangguh sehingga enam tahun.

Tindakan itu telah menafikan hak majoriti penduduk yang telah menunggu sekian lama

malah keenggan golongan ini mampu merencatkan proses pembangunan kawasan itu sekali gus memadamkan hasrat untuk membangunkan Kampung Baru.

LAGI BERITA MUKA SURAT 2, 3 DAN 15

89 peratus atau 291 pemilik mahu proses pengambilan tanah diteruskan

Penduduk gesa projek disegerakan

DARI MUKA HADAPAN

AZLAN ZAMBRY

PROJEK Pembangunan Semula Kampung Sungai Baru perlu dilaksanakan segera dan tidak wajar disekat memandangkan sudah 89 peratus penduduk terlibat telah menyatakan persetujuan untuk mempercepatkan proses pengambilan tanah bagi tujuan itu.

Pengerusi Persatuan Kebajikan Pemilik Hartanah Kampung Sungai Baru (PKPHKS), **Zulfakar Wahid** berkata tanah di kawasan itu telah diwartakan untuk tujuan tersebut dan kira-kira 291 pemilik yang telah bersetuju dan menurunkan tandatangan bagi projek pembangunan semula kawasan tersebut.

"Pewartaan diperoleh sejak Jun 2021, kerajaan yang luluskan warta ini jadi sepatutnya kerajaan tak perlu sekat. Kami (persatuan) tidak cakap banyak kerana perundungan memihak kepada kita, kerana kita sudah ada majoriti dan ada warta (ambil tanah)."

"Tiada benda yang mahu dibangkitkan lagi. Jika perundungan tersebut pun kita tak boleh nak ikut, apa lagi yang boleh dibuat," katanya pada sidang akbar bersama pemaju, Ritzy Gloss Sdn Bhd pada Selasa.

Jelas Zulfakar, penduduk berharap projek tersebut dapat dilaksanakan bagi membolehkan mereka yang telah mengosongkan unit sejak lima tahun lalu dapat kembali semula ke rumah baharu di Kampung Sungai Baru.

"Bagi penduduk yang telah li-



ZULFAKAR (tiga dari kiri) bersama AJK Persatuan Kebajikan Penduduk Hartanah Kampung Sungai Baru mahu pembangunan perumahan itu diteruskan untuk kemudahan semua pihak.

ma tahun meninggalkan Kampung Baru, tidak wajar projek itu ditangguhkan lagi hanya disebabkan 11 peratus atau 37 pemilik rumah teres yang mewakili kumpulan minoriti membantah proses pengambilan tanah tersebut," katanya.

Beliau berkata, pihaknya berharap Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim dapat membantu menyelesaikan isu pembangunan semula Kampung Sungai Baru itu bagi membolehkan hasrat mereka berpindah ke rumah baharu terlaksana.

"Beliau (Shahidan) yang ada kuasa tentukan projek ini boleh dijalankan atau sebaliknya. Kita rasa tak patut, hanya disebabkan 37 pemilik yang tidak setuju, 291 yang setuju berdepan masalah penang-

guhan projek.

"Harap Menteri Wilayah Persekutuan boleh bantu fikirkan cara supaya projek ini dapat dijalankan. Ada antara orang lama dah meninggal dunia, saya kecéwa kerana sepatutnya perkara ini

boleh diselesaikan dalam masa tiga tahun tapi sekarang sudah masuk tahun kelima, malangnya ia tidak selesai lagi."

"Kami harap dapat pulang semula ke Kampung Sungai Baru, yang melambatkan projek bukan pemaju tetapi orang yang tidak setuju dan ia melibatkan 37 pemilik unit yang belum terima pendengaran kedua," katanya.

Zulfakar turut menegur ahli politik terutama bekas Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abdul Samad serta bekas Menteri



HAMIDAH



PEMBANGUNAN semula flat dan rumah teres Kampung Sungai Baru bakal menjadi pemangkin kepada kerajaan dan pemodenan Kampung Baru.

Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Mahathir agar tidak mencampuri sebarang urusan yang berkaitan dengan pembangunan di kawasan itu kerana tindakan mereka akan mengeruhkan lagi keadaan.

"Mereka sepatutnya bertemu juga dengan majoriti penduduk yang telah bersetuju dengan projek tersebut, malangnya ia tidak berlaku dan hanya berada di belakang pihak minoriti sahaja," katanya.

Sementara itu, bagi **Hamidah Esa**, 75, menzahirkan harapan yang amat tinggi untuk kembali semula dan menetap di Kampung Sungai Baru di bawah rumah baharu yang lebih selesa berbanding rumah flat yang didiaminya sejak 40 tahun lalu.

"Saya sedih kerana sudah masuk lima tahun menetap di rumah transit yang disediakan pemaju. Dari sihat kini telah jatuh sakit dan rumah pula sudah sangat uzur serta

sudah tidak sesuai untuk didiami.

"Mak cik merayu kepada menteri untuk tolol semua supaya projek ini dipercepatkan. Mudah-mudahan hasrat untuk pulang ke Kampung Sungai Baru tercapai sebelum meninggal dunia," katanya.

Pada Ahad, penduduk yang membantah pembangunan semula Projek Kampung Sungai Baru, Kampung Baru di sini menggesa campur tangan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaacob untuk menghentikan pihak pemaju daripada mengambil tanah mereka yang turut dihadiri Khalid.

Ahli Parlimen Shah Alam itu akan membuat laporan polis dan menghantar surat kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam masa terdekat kerana mendakwa ada projek berkenaan mempunyai unsur rasuah. **WK**

37 pemilik tanah Kampung Sungai Baru mahu pampasan tiga kali ganda

SERAMAI 37 pemilik rumah teres yang menentang pengambilan tanah bagi tujuan Pembangunan Semula di Kampung Sungai Baru, Kampung Baru kerana menuntut pampasan tiga kali ganda lebih tinggi berbanding tawaran asal yang dikemukakan pemaju Ritzy Gloss Sdn Bhd.

Pengaruhnya, **Abdul Hadi Ahmad** berkata alasan yang dikemukakan itu tidak munasabah memandangkan nilai yang dikemukakan itu hanya boleh dituntut sekiranya kawasan itu telah dibangunkan.



ABDUL HADI

"Tawaran yang dikemukakan kepada semua penduduk di rumah teres adalah sebuah rumah yang diambil akan digantikan dengan tiga buah unit kondominium dengan bernilai lebih RM1 juta beserta wang tunai RM400 ribu.

"Namun mereka hendak nilai tersebut dalam bentuk tunai dan pada ketika ini, nilai harta tanah di kawasan itu tidak mencecah har-

ga yang dituntut kerana ia belum dibangunkan," katanya kepada **Wilayahku** pada Rabu.

Abdul Hadi berkata, kesemua pemilik berkenaan telah menghadiri sesi perbincangan yang dianjurkan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim yang diuruskan oleh Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu (PKB).

"Saya telah pun menghantar tawaran asal kepada pihak PKB untuk dirundingkan bersama dengan kumpulan tersebut namun mereka menolak.

"Bagi saya, tawaran yang telah dikemukakan sejak tahun 2016 itu munasabah kerana nilai kawasan itu hanya akan meningkat sekiranya pembangunan semula dilaksanakan.

"Sekiranya mereka mahukan nilai yang disebutkan itu, ia hanya boleh berlaku selepas perancangan pembangunan dapat dilaksanakan," katanya.



NILAI harta tanah di Kampung Sungai Baru hanya akan meningkat selepas Projek Pembangunan Semula dilaksanakan.

Tambahnya, pihaknya tidak dapat memenuhi tuntutan berkenaan kerana ia akan menyebabkan semua pemilik turut menuntut perkara yang sama dan pada masa sama projek berkenaan sudah tidak kompetitif kerana melibatkan kos

pengambilan tanah di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960.

"Saya masuk ke Kampung Sungai Baru pada 2016 dan sepatutnya projek sudah boleh mula tiga tahun lalu. Saya target projek patut mula pada 18 bulan hingga ke tiga tahun sahaja tapi sekarang sudah masuk enam tahun tetapi masih belum lagi selesai.

"Projek sudah hampir berjaya dilaksanakan dan hanya 11 peratus yang masih belum setuju. Sekarang saya serahkan semula kepada penduduk untuk tentukan sama ada mahu meneruskan lagi projek ini atau tidak.

"Kalau tunggu terlalu lama, saya pun tidak boleh bertahan kerana perlu mengeluarkan kos setiap hari bagi bayaran sewa rumah transit dan kos tambahan lain," katanya.

Beliau berharap, semua pihak memberikan kerjasama bagi menjayakan projek tersebut kerana hasrat pembangunan semula kawasan tersebut bagi tujuan meningkatkan taraf hidup penduduk dan meningkatkan nilai harta tanah di kawasan itu. **WK**

Shahidan jawab Khalid

KWP tidak halang siasatan SPRM

KEMENTERIAN Wilayah Persekutuan (KWP) terbuka sekiranya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ingin menyiasat jika terdapat unsur rasuah dalam pengambilan tanah penduduk Kampung Sungai Baru.

Menterinya, **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim** berkata kerajaan tidak akan menghalang mana-mana pihak untuk menyiasat dan mencabar isu berkaitan perwartaan dan pengambilan tanah itu sehingga ia diselesaikan mengikut proses yang dibenarkan.

"Pewartaan itu berlaku pada tahun 2020, bukan sekarang dan saya yang minta ditangguhkan untuk membolehkan mereka selesaikan masalah."

"Sekiranya kita tidak dapat menyelesaikan masalah, kita kenal proses undang-undang," katanya.

Beliau berkata demikian kepada

da pemberita selepas Majlis Makan Malam Jubli Emas Kuala Lumpur di Taman Botani Perdana pada Selasa.

Ditanya mengenai kenyataan bekas Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abdul Samad yang mahu melaporkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana mendakwa wujud unsur rasuah dalam projek itu, Shahidan berkata pihaknya tidak mempunyai sebarang masalah dan bersifat terbuka sekiranya mempunyai bukti.

Hadir sama Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias, Ketua Setiausaha KWP, Datuk Seri Rosida Jaafar dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah.

Terdahulu, Jawatankuasa Bertindak Kampung Sungai Baru pada Ahad menggesa Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob campur tangan untuk



SHAHIDAN (dua dari kanan) beramah mesra dengan kepimpinan tertinggi DBKL selepas Majlis Makan Malam Jubli Emas Bandaraya Kuala Lumpur di Taman Botani Perdana pada Selasa.

menghentikan tindakan pemaju untuk mengambil tanah bagi tujuan pembangunan semula.

Dalam pada itu, Shahidan berkata, pihaknya telah menujuhkan dua buah jawatankuasa di peringkat

kementerian yang dipengerusikan sendiri dan Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan untuk meneliti dan menyelesaikan masalah banjir kilat serta kesesakan trafik di ibu kota.

"Untuk Jawatankuasa Banjir Kilat, saya yang mempergerusikan dan kita telah gariskan perancangan jangka pendek, sederhana dan panjang untuk menyelesaikan masalah banjir kilat di ibu kota.

"Datuk Seri Jalaluddin pula akan mempergerusikan Jawatankuasa Task Force Kesesakan Lalu Lintas," katanya.

Sementara itu, Jalaluddin berkata, task force itu akan dianggotai 11 agensi luar termasuklah polis dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) bagi mencari penyelesaian tuntas mengenai kesesakan yang berlaku di ibu kota.

"Mesyuarat pertama akan dilaksanakan pada 21 Jun ini dan sebarang perkembangan akan dimaklumkan dari semasa ke semasa. Jabatan Pengangkutan Bandar, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan menjadi urus setia untuk jawatankuasa ini," katanya.

WK

MyGrocer@Wilayah buka peluang usahawan untuk warga kota

WARGA kota yang berminat menjalankan perniagaan dalam bidang peruncitan dijemput untuk menjadi usahawan di bawah bimbingan MyGrocer@Wilayah.

Menurut Ketua Operasi MyGrocer@Wilayah, **Abu Zaki Abu**, pihaknya mensasarkan seramai 20

usahawan untuk fasa pertama yang bermula pada 1 Jun lalu.

"Peserta yang berjaya akan dilatih selama enam bulan dan sejak ia bermula 1 Jun lalu, kami telah mendapat 10 peserta."

"Kita kini sedang mencari baki 10 peserta untuk mencukupkan kuota bagi fasa ini," katanya kepada Wilayahku di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Wahyu pada Rabu.

Jelas Abu Zaki, maklum balas yang diterima daripada peserta amat memberangsangkan kerana mereka telah berjaya mencatatkan jualan yang memberangsangkan meskipun program itu baru dilaksanakan.

"Mereka ini asalnya merupakan peniaga dan telah pun mempunyai pengalaman dalam perniagaan. Mereka juga berjaya mencatatkan jualan harian lebih RM2,000."

"Selain itu, terdapat seorang perniagaan yang telah berjaya mencatatkan jualan tertinggi RM3,300 dalam tempoh satu hari dan ini menunjukkan program ini mampu untuk mengubah kehidupan warga Kuala Lumpur," katanya.

Beliau berkata tawaran tersebut terbuka kepada semua golongan lelaki dan perempuan dan berumur di bawah 35 tahun serta mempunyai lesen memandu kenderaan perdagangan GDL.



PROGRAM Perantis Usahawan MyGrocer@Wilayah mampu meningkatkan taraf serta mengubah kehidupan peserta dan mendapat sambutan menggalakkan daripada golongan B40 yang menetap di PPR dan PA di Kuala Lumpur.



kan bekalan makanan dengan harga yang lebih murah.

"Sudah pasti kita mencari keuntungan untuk memastikan program ini berterusan dan pada masa sama kita juga tidak lupa dengan tanggungjawab sosial oleh yang demikian, kita jual dengan harga jimat untuk memastikan penduduk PPR dan PA mendapat manfaat," katanya.

Tambahnya, pihaknya tidak mendapat sebarang subsdi daripada mana-mana kementerian termasuklah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna serta Kementerian Pertanian dan Industri Makanan.

"Kita juga tidak mendapat sebarang bantuan, cumanya melalui program perantis bersama Yayasan Wilayah Persekutuan, ia meluaskan lagi operasi MyGrocer@Wilayah dan dengan peluang ini, pastinya akan dapat memberikan harga yang lebih jimat untuk golongan B40," katanya.

WK

Pengambilan tanah Sungai Baru perlu diteruskan - PKB

PENGAMBILAN tanah bagi Projek Pembangunan Semula Sungai Baru, Kampung Baru perlu diteruskan kerana ia telah memenuhi syarat perundangan di bawah Akta Pengambilan Tanah (APT) 1960 walaupun segerintir pemilik tidak bersetuju.

Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu (PKB) dalam kenyataan pada Rabu memaklumkan sekiranya kerajaan enggan meneruskan proses pengambilan tanah berdasarkan akta tersebut, kerajaan perlu bersedia untuk menanggung semua kos kerugian pemaju dan pemilik yang bersetuju.

KENYATAAN PENUH MUKA SURAT 15

Menurut kenyataan itu, kerugian berkenaan meliputi RM50 juta bayaran deposit pengambilan tanah kepada Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG); RM30 juta kos penyediaan rumah transit dan rumah sewa kepada penduduk yang bersetuju sehingga rumah ganti siap dibina; kos pemindahan semula penduduk yang bersetuju pulang ke rumah asal serta kos pembaikan rumah yang telah ditinggalkan selama enam tahun.

PKB berkata berdasarkan APT 1960, tiada sebarang syarat berkaitan peratusan persetujuan pemilik tanah ditetapkan sebelum sebarang pengambilan balik tanah dilaksanakan.

"Namun, dalam Program Pembangunan Semula di Kampung Baru, pihak kementerian telah menetapkan bahawa pembangunan semula hanya boleh dipertimbangkan sekiranya pemaju berjaya memperolehi sekurang-kurangnya nilai ambang (threshold) 50 peratus persetujuan pemilik harta tanah bagi menjaga kepentingan dan kesejahteraan warga terlibat," menurut kenyataan itu.

Menurut PKB, pengambilan tanah bagi projek pembangunan semula Sungai Baru telah diwartakan di bawah Seksyen 8 APT 1960 pada 21 Jun 2021 membabitkan 37 lot teres, 72 unit flat dan satu lot pencawang elektrik Tenaga Nasional Berhad (TNB).

"Sehingga hari ini, sejumlah 291 lot dan unit flat (27 lot teres dan 264 unit flat) yang mewakili 88.72 peratus telah pun bersetuju dengan projek pembangunan semula ini," katanya.

Sebelum ini, bekas Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abd Samad dilaporkan telah menujuhkan jawatankuasa terdiri daripada barisan peguam bagi mencabar perwartaan pengambilan tanah penduduk Kampung Sungai Baru, Kampung Baru, di sini. - BERNAMA

Kos ganti tiang lampu ditanggung sepenuhnya syarikat panel

DEWAH Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menafikan bahawa pihaknya telah melantik Sarawak Consolidated Industries Bhd (SCIB) bagi melaksanakan kerja-kerja untuknya.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan DBKL, mereka tidak pernah memberi kebenaran kepada mana-mana pihak untuk melantik SCIB atau mana-mana anak syarikatnya untuk melaksanakan apa-apa kerja berkaitan perkhidmatan kejuruteraan untuk penggantian tiang lampu pintar bersepadu DBKL bagi pihak DBKL.

"Tiang lampu dwifungsi tersebut merupakan tiang lampu jalan yang diintegrasikan dengan pemancar telekomunikasi dan rasional pembinaan tiang lampu dwifungsi ini adalah untuk meningkatkan perkhidmatan telekomunikasi di Kuala Lumpur kepada rangkaian 5G selaras dengan hasrat kerajaan untuk menyiapkan infrastruktur ini di Kuala Lumpur secepat mungkin," katanya.

munikasi (dwifungsi) di sekitar Kuala Lumpur. Dan segala kos penggantian tiang lampu ini ditanggung sepenuhnya oleh syarikat panel tersebut.

"Tiang lampu dwifungsi tersebut merupakan tiang lampu jalan yang diintegrasikan dengan pemancar telekomunikasi dan rasional pembinaan tiang lampu dwifungsi ini adalah untuk meningkatkan perkhidmatan telekomunikasi di Kuala Lumpur kepada rangkaian 5G selaras dengan hasrat kerajaan untuk menyiapkan infrastruktur ini di Kuala Lumpur secepat mungkin," katanya.

Jelas kenyataan itu, tujuan utama pembinaan tiang lampu dwifungsi adalah untuk meningkatkan kualiti dan liputan (*coverage*) perkhidmatan komunikasi tanpa wayar seterusnya pengguna di Kuala Lumpur dapat menikmati kemudahan perkhidmatan 5G yang terbaik," katanya. WK



DBKL telah melantik 29 syarikat panel yang mempunyai lesen NFP secara berperingkat sejak tahun 2015.

Pusat aktiviti Puspanita akan dibina di Putrajaya

SEBAH Pusat Aktiviti Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (Puspanita) akan dibina di Presint 10 bagi menampung pelaksanaan pelbagai program serta aktiviti yang semakin berkembang untuk ahli persatuan itu dan komuniti setempat.

Puspanita dalam kenyataan memaklumkan projek bernilai kira-kira RM22 juta itu dijangka siap pada 2024 dengan dilengkapi fasiliti seperti dewan serbaguna, bilik seminar, gimnasium, kafe serta ruang pameran dan jualan untuk usahawan

wanita.

"Konsep reka bentuk yang moden dan dilengkapi dengan pelbagai fasiliti bakal menjadikan pusat aktiviti ini sebagai tumpuan warga Putrajaya dan sekitar," menurut Puspanita dalam kenyataan yang dikeluarkan sempena Mesyuarat Agung Perwakilan Puspanita kali ke-40 baru-baru ini.

Puspanita mempunyai kira-kira 145,000 ahli di seluruh negara.

Mesyuarat agung itu dirasmikan Ketua

Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali yang juga Penasihat Puspanita.

Sempena mesyuarat agung itu, turut dilancarkan Pelan Tindakan Strategik Puspanita yang menggariskan hala tuju persatuan itu bagi tempoh lima tahun akan datang.

Pelan Tindakan Strategik itu digubal berdasarkan pendekatan dasar 5K iaitu penekanan kepada pelaksanaan program dan aktiviti Puspanita berdasarkan teras Kebajikan, Keilmuan, Keusahawanan, Kelestarian dan Kesejahteraan.



Henti desak adakan PRU

NAMPAKNYA desakan demi desakan masih terus kedengaran agar Pilihan Raya Umum (PRU) ke-15 diadakan segera walaupun hakikatnya ia tidak perlu diadakan pada waktunya.

Ini kerana kerajaan Perikatan Nasional (PN) yang meneraju negara sekarang tidak ada masalah, mampu mentadbir dengan lancar dan licin. Oleh itu biar kerajaan melaksanakan tanggungjawab dan amanah yang terletak di bahunya dalam keadaan tenang dan selesa.

Yang menjadi masalah ialah apabila pihak tertentu tetap terus melaung-laungkan segera diadakan PRU atas sebab yang mereka sendiri sahaja tahu. Mereka tidak mahu menerima pelbagai alasan kenapa PRU-15 tidak harus diadakan tergesa-gesa.

Sebaliknya mereka memberi alasan PRU perlu diadakan segera untuk mewujudkan kerajaan stabil. Namun ini sukar diterima kerajaan kerajaan yang ada sekarang memang sudah stabil. Tiada tanda-tanda atau riak gelombang percairan dalam kerajaan yang menampakkan ia tidak stabil.

Malah semua sudah sedia maklum ada Memorandum Persefahaman (MoU) dengan parti pembangkang, atas inisiatif Perdana Menteri,

Datuk Seri Ismail Sabri Yaakub. Dengan MoU ini pembangkang berjanji tidak akan mengganggu gugat kerajaan dan memberi kerjasama memastikan kestabilan terpelihara.

Tetapi pemimpin parti dalam gabungan PN sendiri, khususnya UMNO, yang terus mendesak mahu PRU diadakan dengan menganggap ini masa yang sesuai. Kawan-kawan Kedai Kopi tertanya-tanya sesuai dari segi apa? Apa perkiraan mereka?

Malah pandangan pemimpin tertentu ini tidak dikongsi oleh beberapa orang pemimpin UMNO lain yang berpendapat, tidak ada sebab mendesak untuk mengadakan PRU waktu ini. Bagi mereka, ia tidak lebih daripada untuk memenuhi kepentingan politik pihak tertentu.

Justeru kerajaan yang ada perlu disokong ketika ia sedang sedang berusaha bersungguh-sungguh memberi tumpuan kepada kesejahteraan rakyat dan pertumbuhan ekonomi pasca pandemik COVID-19.

Negara baharu memasuki fasa endemik dan banyak perkara perlu dilakukan untuk 'memperbaiki' semula kehidupan rakyat dan memastikan ekonomi berkembang pesat serta lebih banyak peluang pekerjaan disediakan untuk rakyat.

Rakyat juga berhadapan isu kenaikan harga barang asas seperti ayam, ikan, sayur-sayuran serta lain-lain yang perlu ditangani dengan bijak dan berkesan. Rakyat tidak harus sampai terbebas mengharungi kehidupan sehari-hari, terutama golongan berpendapatan rendah.

Kawan-kawan Kedai Kopi difahamkan perbelanjaan mengadakan PRU boleh menelan sehingga RM1 bilion. Alangkah baiknya jika wang ini digunakan untuk membantu rakyat melalui program-program yang boleh melegakan kehidupan mereka.

Kerana itu kawan-kawan Kedai Kopi berkongsi pendapat dengan para pemimpin yang menolak diadakan PRU pada waktu ini. Untuk apa hendak dijogoy kerajaan yang stabil, seolah-olah sangga mahu menggugat kestabilan itu.

Bagi kawan-kawan Kedai Kopi, biarlah kerajaan yang ada terus mentadbir, tidak perlu diganggu. Lebih elok biarkan sahaja tempoh penggal parliment yang ada tamat dengan sendiri. Bukan lama lagi pun, hanya beberapa bulan. Justeru hentikan desakan untuk PRU. Bersabarlah menanti.

Pisang berbuah dua kali

MALANG sungguh nasib para peniaga di Pasar Keramat, antara pasar popular di ibu negara. Sekali lagi pasar tersebut terbakar minggu lalu, selepas kejadian pertama lebih dua tahun lalu.

Barangkali inilah yang dikatakan pisang berbuah dua kali, atau sudah jatuh ditimpa tangga. Kali pertama pasar ini terbakar pada 17 Mac 2021 mengakibatkan kemasuhan lebih 40 lot kedai.

Kejadian ini menyebabkan ramai peniaga hilang punca pendapatan apabila tidak dapat bermiaga untuk jangka masa agak lama sehingga pasar

berkenaan dibaik pulih.

Namun kini sekali lagi Pasar Keramat dirundung malang. Kawan-kawan Kedai Kopi simpati dengan nasib yang menimpak peniaga kerana ramai tidak dapat bermiaga untuk sementara waktu ini.

Proses ini tentu akan mengambil masa kerana kawan-kawan Kedai Kopi difahamkan kesan kebakaran tersebut memang besar. Dianggarkan kemasuhan akibat kebakaran dalam lingkungan 50 peratus. Ertinya sebahagian pasar musnah.

Malah kebakaran kali ini turut membabitkan sebahagian rumah berhampiran yang dianggarkan musnah kira-kira 10 peratus. Memetik bomba, api begitu marak kerana bahan binaan kedai adalah daripada kayu. Tetapi tiada sesiapa cedera.

Kawan-kawan Kedai Kopi berharap pihak berkusa menjalankan siasatan terperinci bagi mencari punca kebakaran memandangkan ini adalah kali kedua. Adakah ia kerana kecuaian manusia atau mungkinkah perbuatan khianat?

Pada masa sama, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) perlu segera membaik pulih pasar berkenaan dan mendirikan semula lot-lot niaga agar para peniaga tidak menunggu terlalu lama untuk kembali mencari rezeki.

Kawan-kawan Kedai Kopi juga berharap para peniaga di Pasar Keramat sama-sama berusaha memastikan pasar tersebut dijaga dengan baik dan diawasi. Jangan sampai kejadian ketiga pula berlaku nanti. Peniaga yang akan susah apabila tidak dapat bermiaga.

Jom Cuti-Cuti Malaysia Bersama KLIA Ekspres. Inisiatif ini dibawakan khas oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) menerusi Tourism Malaysia. Seramai 24,875 pengguna berpeluang menebus pemberian diskau RM10 bagi pembelian tiket pergi atau balik KLIA Ekspres dari KL Sentral ke KLIA/KLIA2 atau sebaliknya, bermula 29 April sehingga 30 November 2022 (penebusan sekali sahaja).

Pengguna boleh membuat pembelian tiket menerusi aplikasi telefon pintar atau di laman sesawang KLIA Ekspres dan hanya perlu melakukan pengesahan kad pengenalan dan tiket penerbangan domestik di kaunter tiket selepas itu. Pembelian tiket dan pendaftaran juga boleh dibuat di kaunter tiket KLIA Ekspres bagi memudahkan pengguna mendapatkan tawaran diskau untuk tujuan melancong di dalam negeri.

Untuk maklumat lanjut sila layari laman web [Malaysia.travel](https://malaysia.travel) atau <https://bit.ly/3GFcl6H>

Tertakluk kepada Termasuk Syarat

SIDANG REDAKSI

PENGURUS BESAR

Azlan Abdul Aziz
azlanaziz@yayasanwp.org.my

PENGARANG KANAN

Helme Hanafi
helme.hanafi@gmail.com

WARTAWAN KANAN

Azlan Zambray
azlanwilayahku@gmail.com
Aini Roshidah Ahmad Mawawi
ainiwilayahku@gmail.com

WARTAWAN

Khairul Idin
khairulwilayahku@gmail.com
Deel Anjer
deelanjer@gmail.com
Sabrina Sabre
sabrinawilayahku@gmail.com
Hazirah Halim
hazirahwilayahku@gmail.com
Diana Amir
dianawilayahku@gmail.com

GRAFIK & MULTIMEDIA

Rostam Afendi Ab Rashid
lemandecaprio@gmail.com
Mohd Affandy Annuar
affandywilayahku@gmail.com
Fauzi Taib
adhamfauzi05@gmail.com

JURUFOTO & VIDEO

Mohd Aminullah Farij Hasan
aminwktv@gmail.com
Muhammad Syuqqree Mohd Dain
syuqqreewilayahku@gmail.com

KEWANGAN, SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN

Nur Fatihah Mohd Amir
fatihah@yayasanwp.org.my
Nurul Hazwani Haslan
nhmm8686@gmail.com

OPERASI & PEMASARAN

Roslee Hanafi
roslee@yayasanwp.org.my



MINISTRY OF TOURISM,
ARTS & CULTURE MALAYSIA

TOURISM
MALAYSIA.®



Jom
cuti-cutis
MALAYSIA.®

PELAN PEMULIHAN
PELANCONGAN
2022 (PRE 2.0)

**DISKAUN
RM10**

dengan KLIA Ekspres

29 April 2022
- 30 November 2022

Beli dalam talian
atau di kaunter tiket

www.KLIAekspres.com



- Khas untuk warganegara Malaysia sahaja
- Terhad kepada 24,875 penebusan sahaja
- Pendaftaran diperlukan
- Tertakluk pada terma dan syarat

KL dan manisnya persahabatan



KU SEMAN KU HUSSAIN

Wartawan Bebas

KUALA Lumpur adalah kota perantau. Sejak awal lagi sifatnya sebagai kota perantau terbukti apabila pelombong dari Mandailing, Indonesia dan Cina dari China mengusahakan lombong bijih timah di Kuala Lumpur.

Kuala Lumpur yang diasaskan oleh Sultan Puasa pemimpin masyarakat Mandailing juga dalam kalangan perantau, seterusnya mewujudkan petempatan Mandailing. Ini membuktikan Kuala Lumpur diasaskan dan dimajukan oleh perantau yang berhijrah ke kota ini.


Saya percaya sebahagian besar dalam kalangan kita juga awalnya adalah perantau dan sebatang kara di kota ini. Tidak banyak yang datang mencari rezeki secara berkumpulan walau memang ada yang berbuat demikian. Malah tidak banyak juga yang mempunyai sanak saudara untuk menumpang.

Saya merantau seorang diri ke Kuala Lumpur, tidak ada sanak saudara atau rakan taulan untuk menumpang. Sejak hari pertama, saya menggenggam sifat sebagai seorang perantau – mencari sahabat. Tujuannya meluaskan lingkaran sosial dan menjadi kompas supaya tidak sesat.

Hakikatnya kita tidak boleh hidup tanpa sahabat walaupun dalam banyak keadaan tertentu sahabat juga boleh membawa ke laluan yang salah. Walaupun begitu mencari sahabat bukanlah mudah. Sisi sebenarnya belum terpantul pada permukaan yang zahir.

Sahabat menjadi ekosistem sosial yang penting dalam kehidupan, lebih-lebih lagi perantau yang sebatang kara. Bersahabat sebenarnya tidak memerlukan syarat atau dibatasi jurang status yang tinggi dan rendah dalam masyarakat. Sebaliknya persahabatan interaksi jiwa dan kepercayaan menjadi asasnya.

Kata orang bijak pandai, untuk mengenali seseorang, lihatlah buku yang dibaca dan orang yang menjadi sahabatnya. Sahabat yang berada di sekeliling akan memantulkan sisi peribadi yang boleh dilihat oleh orang lain. Sahabat itu membawa pada



SABRI YUNUS antara sahabat yang dikenali sejak 1984 hingga kini.

maksud akrab, sebab itulah mereka menjadi cermin untuk orang mengenal kita.

Maknanya sahabat yang berada di sekeliling kita bukan sekadar orang yang rapat. Tetapi masa yang sama menjadi petunjuk sikap dan peribadi kita kepada orang lain. Orang lain melihat dan mengenal kita melalui perilaku sahabat-sahabat yang kita pilih.

Kalau sahabat-sahabat kita itu semuanya orang besar, menteri atau pemimpin yang dikenali masyarakat, tetapi yang terpantul kepada orang lain mengenai kita bukan pangkat mereka. Semua itu adalah hak mereka dan yang terpantul adalah peribadi.

Malah kalau sahabat kita hanya orang kecil-kecil sekalipun tetapi peribadinya tinggi, kedudukan kita juga ikut dihormati. Maknanya bersahabatlah dengan siapa sahaja yang berperibadi mulia walaupun rendah kedudukan di mata manusia.

Dalam kehidupan seseorang itu selain mempunyai dirinya sendiri dan keluarga, sahabat adalah suatu yang tidak boleh dinafikan akan kepentingannya. Sahabat selalunya datang daripada orang yang berada di luar lingkaran kekeluargaan, tetapi pada masa tertentu, lebih diperlukan berada di sisi kita.

Malah ada kalanya sahabat lebih memahami berbanding sanak saudara dan keluarga. Ini menunjukkan kedudukan sahabat dalam lingkaran sosial seseorang sangat unik dan utama. Mereka orang luar tetapi dalam perkara tertentu berada dalam lingkaran yang paling dekat.

Orang tua-tua sangat bimbang melepaskan anak-anak

ke luar dari lingkungan yang memungkinkan mereka tidak dapat melihat dan memantau gerak-gerinya. Salah satu yang sangat dibimbangi adalah tersalah memilih sahabat. Akibatnya terpaksa menanggung kesan yang panjang.

Pengalaman saya sebagai perantau di Kuala Lumpur sejak 38 tahun lalu membuktikan perihal pentingnya sahabat. Ada yang datang dan kemudian pergi tanpa khabar berita selepas menggapai hidup yang dicita-citakan. Ada pula yang sentiasa ada walaupun tidak ada di sisi kita.

Sahabat jenis ini berada di luar lingkaran, tetapi akan segera berada apabila kita memerlukan keberadaannya. Tetapi sahabat seperti ini mungkin melakukan kerana tergemarkan menegur daripada membiarkan kita jatuh akibat aturan langkah yang sumbang.

Tentulah jauh lebih baik dilukai sahabat untuk membentulkan langkah yang sumbang daripada terus dipuji tetapi membawa pada kemusnahan. Sahabat sejati sanggup melakukan daripada membiarkan sahabatnya menuju keruntuhan. Mereka tidak ‘malu alih’ untuk berkata benar kerana persahabatan yang tulus itu tanpa syarat.

Kedudukan kita dalam persahabatan akan teruji bukan ketika berada di puncak kejayaan. Persahabatan teruji apabila ketika kita jatuh dan tidak mempunyai apa-apa. Mereka yang terus berada di sisi kita itu adalah sahabat. Mereka yang kononnya sahabat tetapi telefonnya sudah ‘rosak’ untuk bertanya khabar adalah orang yang lalu-lalang di

“**Maknanya sahabat yang berada di sekeliling kita bukan sekadar orang yang rapat. Tetapi masa yang sama menjadi petunjuk sikap dan peribadi kita kepada orang lain. Orang lain melihat melihat dan mengenal kita melalui perilaku sahabat-sahabat yang kita pilih.**

dengan kita.

Saya bersahabat dengan semua peringkat atau kelas sosial dalam masyarakat. Daripada yang setinggi-tinggi kedudukan hingga serendah-rendahnya seperti gelandangan. Dengan yang bertaraf CEO syarikat konglomerat dan juga budak pejabat.

Bagaimanapun tidak memerlukan apa-apa daripada saya, begitu juga saya yang tidak memerlukan apa-apa daripada mereka. Kami bersahabat kerana meraikan persahabatan. Tidak ada kepentingan tertentu yang ada di tengah-tengah antara kami.

Sahabat yang baik juga selalunya menjauahkan diri apabila kita berada di puncak kejayaan. Bukan cemburu tetapi memberi laluan kepada banyak yang lain berlumba-lumba untuk menjadi ‘sahabat baharu’ kita. Tetapi dia akan datang apabila kita sudah tidak mempunyai apa-apa pangkat dan kuasa.

Ini kerana bukanlah suatu yang pelik apabila ada memeragakan diri sebagai sahabat, tetapi bersifat semut dan gula. Mereka akan berkerumun meraikan kejayaan kita, tetapi akan hilang apabila kita terjatuh atau tidak punya apa-apa.

Individu yang menghulurkan tangan ketika terjatuh itu bukan sahabat sejati dan kerana tidak mengharapkan sesuatu daripada persahabatan itu.

Ada yang memberitahu

saya, sahabat adalah orang yang mengutip kaca mata kita yang pecah akibat terjatuh dalam perjalanan. Dia akan memberikan kaca mata itu supaya kita boleh meneruskan perjalanan. Sahabat terbukti bukan bersifat pesaing yang mungkin menjadi musuh dalam perjalanan.

Sasterawan Albert Camus ada berpesan, “Jangan berjalan di belakang saya kerana saya bukan pemimpin. Jangan berjalan di depan saya kerana saya bukan pengikut yang baik. Tetapi berjalanlah di sisi saya dan kita menjadi sahabat.”

Sementara tokoh tinju dunia, Allahyarham Muhammad Ali pula berkata “Persahabatan adalah suatu yang paling sukar untuk dihuraikan. Bukan suatu yang boleh dipelajari di sekolah. Tetapi jika kita tidak memahami erti persahabatan, kita sebenarnya tidak memahami semuanya dalam kehidupan.”

Catatan di atas menunjukkan kita semua tidak terlepas daripada memerlukan sahabat dan mendirikan persahabatan. Sebagai makhluk sosial, ternyata sekali kita tidak mampu menjalani kehidupan secara bersendirian. Mereka yang bersama-sama kita dalam jatuh dan bangun itu adalah sahabat yang sejati.

Mereka kompas yang tidak menyesatkan. Terima kasih sahabat kerana berkongsikan jalan yang lurus dalam Kuala Lumpur yang berselirat. Kopi yang pahit sentiasa manis dalam ingatan.

SAJAK

KOPI DAN PAYUNG

kita adalah marhaen yang hidup sebagai kisah di dalam akhbar di wilayah ini lalu berdiri membacanya di bawah payung payung sendiri hitam putih atau warna-warni di dalam kocek-kocek yang dipenuhi bil-bil bersama habuk piutang syiling untuk ron sembilan puluh tujuh yang turun naik bagi bursa saham

hujan ketika menjaring matahari mengajar sang marhaen berdikit pada makan minum menelan inflasi umpama sifar-sifar ke kerongkong lalu kita yang buta dipimpin pada korupsi sana sini loceng berbunyi masa untuk meneguk kopi membaca akhbar dan berfikir

Guru Kidal
Raub, Pahang

t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR



SERTAI SALURAN TELEGRAM
Wilayah Ku
UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!



Usaha kawal banjir: Warga kota lega

JIKA anda melalui beberapa jalan ibu kota dan melihat beg-beg pasir disusun bertingkat-tingkat di beberapa lokasi tertentu, usah tertanya-tanya kenapa begitu banyak beg pasir disusun di lokasi berkenaan.

Beg-beg tersebut bukan sengaja diletakkan, sebaliknya berfungsi sebagai penebat banjir. Ia merupakan antara langkah jangka pendek atau interim dilakukan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk mengekang masalah banjir kilat yang kerap berlaku di ibu negara, terutama apabila hujan lebat.

Antara kawasan panas atau hot spot banjir kilat yang telah 'dipagar' dengan beg pasir ini ialah Jalan Rahmat, Jalan Sultan Iskandar (Parlimen/Sungai Bras-Bras), Jalan Lebuh Ampang, Kampung Kasipillay, Jalan Segambut, Jalan Pintasan Segambut, Lorong Maarof dan Jalan Batu Bata.

Adi difahamkan, beg-beg pasir ini juga akan diletakkan di beberapa tempat lain yang terdedah kepada ancaman banjir kilat, di samping lebih banyak ditambah di kawasan-kawasan yang sudah sedia diletakkan jika keadaan memerlukan.

Sehingga kini sekurang-kurangnya 5,000 beg pasir diletakkan di tebing sungai Klang dan Sungai Gombak yang berjaya mengekang limpahan air daripada kedua-dua sungai itu ke beberapa lokasi di ibu kota. Ini khususnya di Jalan Segambut dan Jalan Ampang di hadapan Air Terjun Bukit Nanas.

Pada Adi, usaha ini menampakkan komitmen tinggi DBKL untuk tidak bertangguh mengatasi banjir melalui pelan interim. Selain beg pasir, langkah lain ialah membersihkan longkang dan saluran air, membeli pam air dan membuat keladak dalam kolam takungan air.

Ini semua terangkum dalam 'Pelan Induk Tebatan Banjir 2022' yang dijalankan oleh DBKL sebagai tindakan jangka pendek sehingga penyelesaian jangka panjang dilaksanakan kelak.

Sungguh melegakan kerana usaha pencegahan dan mitigasi banjir jangka pendek telah menampakkan kejayaan dan membawa hasil, seperti dinyatakan oleh Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim.

Beliau memberi contoh banjir kilat yang berlaku pada 25 Mei lalu. Penyusutan air banjir yang bertakung di jalan raya berlaku lebih pantas, kurang daripada 30 minit. Juga tiada kenderaan terkandas.

Selain itu, tidak ada penduduk yang dipindahkan daripada kediaman masing-masing di samping tiada kejadian cerun



SHAHIDAN meninjau beg pasir yang diletakkan di kawasan hot spot banjir dekat Jalan Kasipillay.

atau tanah runtuh dilaporkan.

Adi percaya usaha interim tebatan banjir, yang dijangka mampu mengekang banjir kilat di ibu negara untuk jangka masa pendek, pasti melegakan warga kota.

Pada masa sama, usaha jangka panjang juga dirancang. Antaranya ialah pembinaan terowong simpanan air bawah tanah yang mampu menampung sejumlah besar air.

Projek ini adalah kerjasama DBKL dengan Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS). Kajian mengenai projek ini sedang giat dijalankan dan dijangka siap dalam tempoh tiga bulan. Projek dijangka mengambil masa antara tiga hingga lima tahun untuk siap dan beroperasi.

Terowong simpanan air ini berfungsi menyimpan air banjir sebelum dilepaskan ke dalam sungai sewaktu air surut. Kebanyakan bandar besar di dunia mempunyai kemudahan ini, termasuk Tokyo dan Itabashi di Jepun yang membina terowong tersebut di bawah

jalan raya.

Bagaimanapun memandangkan kebanyakan jalan di ibu kota sempit, kaedah ini mungkin tidak dapat dilaksanakan di Malaysia. Oleh itu memetik Shahidan, cadangan alternatif ialah terowong dibina 40 meter di bawah sungai.

Berbekal penyelesaian jangka pendek dan jangka panjang, Adi percaya masalah banjir kilat di ibu kota akan dapat dibendung ke tahap maksimum dan tidak lagi menjadi ancaman besar.

Sekarang apabila hujan lebat, warga kota begitu bimbang. Apabila mendengar petir berdentum, mereka sudah terbayang ibu kota dilanda banjir kerana itulah selalunya yang terjadi. *Insya-Allah* dalam beberapa tahun lagi mereka tidak akan lagi didakap kebimbangan.

Adi—Main banjir masa kecil

ATASI SEGERA KENAIKAN HARGA BARANG

KENAIKAN harga barang atas harian seperti ayam, ikan, sayur,

SKETSA



“ Adi percaya usaha interim tebatan banjir, yang dijangka mampu mengekang banjir kilat di ibu negara untuk jangka masa pendek, pasti melegakan warga kota. ”

minyak masak dan sayur-sayuran begitu membimbangkan rakyat, terutama yang berpendapatan rendah. Adi percaya mereka yang bekerja sendiri dan tidak berpendapatan tetap lebih merasai kesan kenaikan ini.

Dengan kenaikan harga, secara langsung kuasa membeli mengecil. Kerana itu tidak banyak barang dapat dibeli, atau dibeli dalam kuantiti berkurangan daripada biasa memandangkan kuasa beli sama tetapi kos barang keperluan meningkat.

Bagi yang berkeluarga besar, tentu lebih memberi kesan untuk menyediakan makanan di atas meja. Namun mahu tidak mahu terpaksa dihadapi, berbelanja sekadar mampu.

Harga ayam naik tinggi, malah dilaporkan ada yang dijual melebihi harga siling ditetapkan. Begitu juga harga pelbagai jenis ikan dan sayur-sayuran. Adi sendiri menyaksikan situasi ini apabila ke pasar untuk membeli keperluan.

Ikan yang jenis mahal seperti jenahak, bawal atau tenggiri, bertambah mahalnya. Ikan pelangi yang selama ini Adi sifatkan sebagai harga mampu, iaitu dalam lingkungan RM7 hingga RM8 sekilo, melambung hingga mencecah RM15 sekilo.

Ini semuanya menjadikan pengguna mangsa kenaikan harga. Malah dikatakan orang tengah memainkan peranan dalam isu kenaikan ini. Tidak hairan kedengaran banyak saranan dan gesaan agar kerajaan bertindak terhadap orang tengah dan diperangi habis-habisan.

Gesaan ini wajar kerana orang tengah tidak peduli kesusahan orang lain. Yang penting mereka beroleh banyak untung walaupun keuntungan itu diperoleh atas kesusahan orang lain.

Dalam hubungan ini, Adi harap semua agensi kerajaan yang berkaitan dengan industri pertanian memainkan peranan lebih berkesan, seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

Agensi-agensi ini mestilah berusaha memastikan harga barang makanan terkawal serta bekalan mencukupi. Ini kerana ada andaian kenaikan harga berlaku disebabkan permintaan mengatasi bekalan.

Yang penting ialah memastikan bekalan dalam negara mencukupi, harga dalam kemampuan rakyat. Langkah menyekat eksport ayam misalnya dianggap sesuai untuk

waktu ini sehingga bekalan dan harga stabil. Langkah ini perlu untuk melindungi pengguna tempatan.

Adi juga percaya rakyat tentu tertanya-tanya, kenapa harga minyak masak kini begitu melambung sedangkan Malaysia ialah pengekspor minyak sawit kedua terbesar dunia. Harga minyak masak sekarang rata-rata melebihi RM30 sedangkan suatu ketika dahulu hanya dalam lingkungan RM22 hingga RM25.

Indonesia, selaku pengekspor utama minyak sawit dunia pernah menyekat eksport bahan tersebut untuk memenuhi keperluan tempatan dan menstabilkan harga. Kerajaan Malaysia mesti berusaha agar harga minyak masak tidak membebankan rakyat.

Kenaikan harga bahan makanan tidak akan terhenti pada kenaikan itu sahaja. Sebaliknya kesan rantaianya menambah beban. Kerana minyak masak, ayam, ikan dan sayuran naik, harga makanan yang dijual di restoran atau kedai makan juga meningkat.

Pengusaha kedai makan menjadikan kenaikan harga sebagai senjata menaikkan harga produk makanan. Kebanyakan mereka ini pulak hanya seronok naikkan harga. Apabila harga barang asas turun, mereka tidak pula menurunkan harga jualan.

Kerana itu bagi Adi, isu kenaikan harga barang mestilah diberi perhatian serius dan diatasi dengan efektif. Adi percaya, kerajaan 'Keluarga Malaysia' sedang berusaha bersungguh-sungguh ke arah pencapaian matlamat ini.

Adi—Harap harga barang turun

Adi Taib



MENYAMBUT KELAHIRAN PUSSI DARI HUJAN YANG SARAT

Pernah ku cuba biarkan hujan sarat menangis sendirian tanpa dibidangkan bayi puisinya...,

Kekal roman di wajah kelam, tidak berubah tegarnya membawa bah dari bunting merenung, sedikit tidak berganjak.

Bayangan bayi mulus meruntun-runtun hati, menarik-narik simpati lantas ku sambut lagi kelahiran anak puisi.

Ibnu Din Assingkiri
Simpang Ampat,
Pulau Pinang

YWP tampil hulur bantuan

Kenangan 15 tahun hangus terbakar

DIANA AMIR

DUA buah keluarga berputih mata apabila kediaman yang terletak di Apartmen Delima, Jalan Klang Lama terlibat dalam kebakaran kira-kira pukul 4 petang pada 7 Jun lalu.

Menceritakan detik kejadian, **Siti Fatima Awang**, 55, berkata kebakaran yang bermula di salah sebuah bilik tidur di rumahnya terlalu cepat merebak dan dia tidak sempat menyelamatkan barang-barang berharga.

"Api sangat marak sehingga menjaskan rumah di tingkat atas. Saya dan keluarga kerugian lebih daripada RM10,000," ujarnya yang mendiami rumah tersebut bersama 11 ahli keluarga lain.

Katanya, kenangan selama 15 tahun bersama keluarga musnah sekilip mata namun tetap bersyukur tiada kemalangan jiwa memandangkan ketika kejadian hanya dia seorang sahaja yang berada di rumah.

Meskipun diuji sedemikian ruja namun dia bersyukur apabila Yayasan Wilayah Persekutuan



SITI Fatima (kanan) menerima sumbangan daripada wakil YWP.

(YWP) tampil memberikan bantuan berupa wang tunai dan barang keperluan asas seperti makanan, selimut dan bantal.

"Alhamdulillah. Terima kasih banyak kepada pihak YWP atas bantuan ini. Sekurang-kurangnya ia memberi keselesaan buat kami yang menumpang seketika di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) ini," ujarnya yang bakal menerima ru-



KEADAAN rumah Fatima yang musnah terbakar.

mah ganti daripada pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Terdahulu, Siti Fatima dan ahli keluarga ditempatkan di PPS Dewan Sekolah Agama KAFA Ahmad Shah, Jalan Klang Lama.

Sementara itu, jirannya yang turut terkena tempias kebakaran tersebut, Normah Mohammad, 60, tidak ketinggalan menerima bantuan daripada YWP.

"Terima kasih YWP sangat prihatin walaupun rumah kami

tidak terjejas teruk tetapi masih tersenarai sebagai penerima bantuan tunai," ujarnya yang terharu atas keprihatinan tersebut.

Katanya, sewaktu kejadian, dia bersama anaknya berada di rumah dan mereka terdengar jeritan meminta pertolongan.

"Saya terus meluru keluar untuk melihat apa yang berlaku dan terkejut diberitahu rumah di tingkat bawah sedang terbakar," jelasnya menyatakan kebakaran



ADUAN

DBKL

Tel : 03-2617 9000



Perbadanan Putrajaya

Tel : 03-8000 8000

Aduan : 03-8887 3000



Perbadanan Labuan

Tel : 087-408600

Aduan : 087-408852



Wilayahku

WhatsApp

011-5958 7489

tersebut menyebabkan hampir 70 peratus rumahnya dipenuhi jelaga.

Katanya proses pembersihan jelaga akan memakan sedikit masa memandangkan ia perlu dilakukan sendiri namun kemungkinan besar kediamannya boleh diduduki dalam masa yang terdekat.

Sejurus kejadian, Normah menetap sementara di rumah anaknya yang terletak di kawasan berhampiran. **WK**

Roadshow pertama Tourism Malaysia ke Bangladesh

SABRINA SABRE

TOURISM Malaysia melancarkan roadshow pertamanya ke dua bandar utama di Bangladesh iaitu Dhaka dan Chattogram pada 2 hingga 7 Jun lalu selepas berehat selama dua tahun akibat pandemik COVID-19.

Roadshow tersebut diketuai oleh Pengarah Kanan Bahagian Perancangan Strategik Tourism Malaysia, **Syed Yahya Syed Othman** bersama-sama staf Tourism Malaysia yang terdiri daripada lima ejen pelancongan dan dua organisasi industri kesihatan.

Menurut Syed Yahya, selain menyakinkan warga Bangladesh untuk kembali ke Malaysia, roadshow ini bertujuan menyediakan platform bagi komuniti industri untuk kembali pulih di samping mengemudi sektor pelancongan kembali ke tahap seperti sebelum pandemik.

"Bangladesh adalah salah satu sumber pasaran utama Malaysia dengan ketibaan 179,000 pelancong pada 2019.

"Pihak kami memerlukan langkah seperti ini (roadshow) kerana industri pelancongan adalah antara penyumbang utama kepada ekonomi negara," katanya dalam satu kenyataan.

Di samping itu, Syed



SYED Yahya (dua kanan) menyaksikan penyerahan token semasa pelancaran Roadshow baru-baru ini.

Yahya memberitahu pihaknya amat berbesar hati dan mengalau-alukan pelancong Bangladesh kembali ke jadual perjalanan yang lebih menarik bagi merasai pengalaman baharu dan terkini di Malaysia.

"Selepas beralih ke fasa endemik, masih banyak yang perlu diterokai, terutamanya di Taman Tema Genting SkyWorlds yang baru sahaja dibuka, Sunway Resort yang telah diubah suai dan tarikan baharu yang mengagumkan iaitu bangunan kedua tertinggi di dunia, Merdeka 118," ujarnya.

Malaysia telah membuka sempadan untuk perjalanan

bebas kuarantin pada 1 April lalu bagi mengalu-alukan pelancong antarabangsa yang diberi vaksinasi sepenuhnya datang bercuti ke Malaysia.

Tambahnya, pelancong yang telah divaksinasi tidak lagi perlu menjalani ujian saringan COVID-19 pra-berlepas dan semasa ketibaan, termasuk kanak-kanak berumur 17 tahun ke bawah.

Pada masa ini, Malaysia menawarkan lebih dari pada 3,910 tempat duduk setiap minggu antara Dhaka dan Malaysia melalui Malaysia Airlines, Batik Air dan AirAsia.

WK

UiTM-McDonald's Malaysia meterai kerjasama demi anak muda

UNIVERSITI Teknologi MARA (UiTM) dan McDonald's Malaysia menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan melalui Program Perantis McDonald's. UiTM dan McDonald's menjalin kerjasama dalam tiga program iaitu Management Apprentice Program (MAP), Graduate Employability Program (GEP) dan Internship Program (IP).

Menurut Naib Canselor UiTM, **Profesor Datuk Ts Dr Roziah Mohd Janor**, program tersebut selari dengan agenda terkini UiTM bagi memperkuatkan inisiatif kebolehpasaran graduan agar senada dengan Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021-2025 Kementerian Pengajian Tinggi.

"Visinya adalah ke arah graduan holistik dan seimbang dengan nilai kebolehpasaran global," kata beliau.

Sementara itu, menurut Pengarah Urusan dan Rakan Operasi Tempatan, McDonald's Malaysia, Datuk Azmir Jaafar, McDonald's Malaysia berhasrat melaburkan RM300 juta untuk program-program latihan dan pembangunan.

Terdahulu, majlis yang dirasmikan oleh Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Senator Datuk Dr Ahmad Masrizal Muhammad diserikan dengan kehadiran 20 anak yatim dari Pusat Jagaan Cahaya Kasih Bestari/Rumah Amal Bestari Shah Alam dalam program komuniti 'Raikan Senyuman' kerjasama antara UiTM dan Ronald McDonald House Charities (RMHC). **WK**



SESI pertukaran MoU antara Roziah dan Azmir disaksikan Ahmad Masrizal (belakang) di Shah Alam baru-baru ini.


REALITI KEHIDUPAN

Rantakota

17 - 23 JUN 2022 . BIL 169

Wilayah Ku

Berbasisikal teroka keunikan Putrajaya





DIANA AMIR

ACARA tahunan Putrajaya Bridge Night Ride 2022 (PBNR 2022) kali ke-6 yang terhenti selama dua tahun akibat pandemik COVID-19 kini kembali berlangsung meriah serta mendapat sambutan menggalakkan daripada penggemar sukan berbasikal.

PBNR merupakan acara berbasikal santai pada waktu malam yang terbesar diadakan di Putrajaya anjuran Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) dan Perbadanan Putrajaya (PPj) dengan kerjasama Red Adventure.

Presiden Perbadanan Putrajaya, **Datuk TPr Fadlun Mak Ujud** berkata antara tarikan utama PBNR adalah peserta berpeluang mengeksplorasi jambatan-jambatan unik yang dihiasi cahaya berwarna-warni

khususnya pada waktu malam.

"Acara signature ini mula dianjurkan pada tahun 2015 dan antara yang ditunggu-tunggu oleh peminat berbasikal dari seluruh pelosok tanah air di mana setiap tahun penyertaan adalah sehingga 4,000 peserta dari seluruh negara.

"Tahun ini, penyertaannya adalah seramai 2,000 peserta melibatkan penggiat pelancongan, media, selebriti dan orang awam dengan kayuhan sejauh 5 kilometer (km), 10 km dan 25 km di laluan tarmac sekitar Putrajaya," katanya sejurus sesi Pelepasan Kayuhan Basikal di Dataran Putrajaya, Presint 3 baru-baru ini.

Turut hadir Ketua Setiausaha MOTAC, Datuk Saraya Abi, Pengurusan Tertinggi MOTAC dan Naib-naib Presiden Putrajaya.

Fadlun berkata antara objektif penganjuran adalah bagi menyokong usaha merancakkan industri pelancongan domestik serta menggalakkan rakyat Malaysia melancong dalam acara-acara sport tourism.

"Kayuhan bermula di jalan utama berhadapan Palace of Justice (PoJ) melalui lokasi-lokasi penting yang terdiri dari bangunan-bangunan pentadbiran kerajaan, struktur ikonik, taman-taman, pusat rekreasi, mercu-mercu tanda di Putrajaya termasuk lima buah jambatan seperti Jambatan Seri Gemilang, Jambatan Putra, Jambatan Seri Bestari dan lain-lain lagi.

"Ia sekali gus dapat mempromosi laluan-laluan basikal di Putrajaya bagi menggalakkan lebih banyak aktiviti kayuhan malam di mana laluan khas yang disediakan sangat selamat untuk peminat sukan berbasikal," ujarnya itu antara inisiatif PPj untuk menjadikan Putrajaya sebagai sebuah bandar mesra sukan berbasikal (*Bikeable City*).

Dalam pada itu, Fadlun turut berkongsi pihaknya juga telah merancang beberapa program lain dalam menjadikan Putrajaya sebagai sebuah destinasi pelancongan dan bukan sahaja sebagai sebuah pusat



pentadbiran.

"Antara program lain yang akan diadakan selepas ini adalah Putrajaya Night Fun Run di mana

kita menasarkan lebih banyak penglibatan dari penduduk Putrajaya dan juga kawasan sekitar.





"Selain itu, Floria Diraja Putrajaya turut akan diadakan kembali pada Ogos ini di mana kita menjangkakan penyertaan dari banyak agensi.

"Tahun ini kita tampilan sedikit kelainan dengan bertemakan orkid, di siang hari pengunjung akan disajikan dengan taman bunga manakala pada waktu malam ia akan menjadi *garden light*," jelasnya sambil menambah bagi pelancongan domestik, PPj akan memberi tumpuan kepada *mines* dan eko untuk dijadikan sebagai pusat penerokaan eko pelancongan kerana Putrajaya mempunyai Taman *Wetland* yang dikelilingi 40 peratus kawasan tumbuhan hijau.

Tambahnya lagi pada hujung tahun ini aktiviti yang sinonim dengan bandar Putrajaya iaitu

Festival Lampu akan turut diadakan.

"Di samping itu, bagi setiap dua minggu kita akan menutup sebahagian Persiaran Perdana ini untuk kita membenarkan aktiviti perniagaan dan kita akan lakukan konsep *car free night* di mana lebih banyak aktiviti akan dibenarkan bagi membolehkan orang ramai datang beriadah, berbasikal atau berjoging," ujarnya yang mengharapkan Dataran Putrajaya dapat menarik lebih ramai Keluarga Malaysia untuk datang beriadah di Putrajaya.

Bertepatan dengan hasrat Putrajaya menjadi Bandar Mesra Belia dan Mesra Keluarga, Fadlun berkata PPj akan berusaha menyediakan lebih banyak kemudahan kepada warganya dan juga pelancong. **WK**

Lokasi wajib singgah berlibur di Putrajaya



SABRINA SABRE


Taman Wetland

PELBAGAI tarikan yang akan anda nikmati jika berkunjung ke Taman *Wetland* Putrajaya seperti Menara Pandang Jauh yang berketinggian 18 meter, denai semula jadi, kolam *flamingo*, tasik angsa, kawasan berkelah dan tapak perkhemanan

serta tarikan menarik lain yang boleh dinikmati bersama keluarga dan rakan-rakan.

Antara aktiviti boleh dilakukan di sini adalah menaiki tram dan *buggy*, berbasikal, berkayak, berkenyu, atau menaiki *paddle boat*. 'Bird Feeding' di kawasan Tasik Angsa, Taman *Wetland* Putrajaya juga berlangsung pada setiap hari pada pukul 11 pagi dan 4 petang.

Selain itu, pengunjung turut dapat menambah ilmu pengetahuan di Pusat Penghayatan Alam (NIC) bagi memahami kepentingan *wetland* untuk pembangunan alam sekitar yang lestari secara interaktif.



Chocolate Souq

PUSAT coklat terbesar di Lembah Klang ini merupakan antara tarikan terbaru di Putrajaya kerana mempunyai penampilan '*photo booth*' Hershey's dan Reese's gergasi pertama di Malaysia seperti yang pernah ditampilkan di Lapangan Terbang Changi, Singapura.

Kedai seluas 11,000 meter persegi itu bukan sahaja menawarkan pelbagai coklat jenama tempatan dan antarabangsa tetapi memberi pengunjung peluang bergambar dalam alam fantasi dengan reka cipta dalaman yang dilengkapi lampu warna-warni dan struktur klasik.



Anjung Floria

ANJUNG Floria Putrajaya merupakan kawasan strategik yang telah dikenal pasti untuk dibangunkan sebagai tempat persinggahan atau *pit stop* kepada pengunjung.

Lebih menarik, kawasan ini berlatarbelakangkan panorama Tasik Putrajaya dan beberapa binaan ikonik seperti Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin dan Jambatan Seri Saujana.

Pit Stop @ Anjung Floria dilengkapi pelbagai kemudahan yang lengkap dan teratur termasuk Taman Persahabatan Malaysia China, *English Garden*, Pantai Pasir (*Sandy Beach*), Lake Cabin (kafe), Kedai Basikal Qayoh (sewaan basikal), aktiviti berkayak, memancing, *remote control boat*, Nurseri Pokok (*Garden Shop*) dan lain-lain. **WK**



Datuk Fadlun terajui pimpinan PPj



SYUQQREE MOHD DAIN

MAJLIS Perasmian Ulung Presiden Baharu Perbadanan Putrajaya (PPj) telah dilangsungkan di Laman Gerbang Kompleks PPj, Presint 3 sempena pelantikan Datuk TPr Fadlun Mak Ujud sebagai Presiden PPj yang baharu pada Selasa lalu.

Aksi kawad dan perbarisan mencuri tumpuan berikutan julung kali diadakan majlis yang mengumpulkan seluruh kekuatan barisan Penguat

Kuasa PPj. Perbarisan itu terdiri daripada dua orang pegawai dan 30 orang anggota Penguat Kuasa PPj.

Sejurus selesai majlis perbarisan tersebut, Fadlun turut sempat menyantuni semua warga kerja PPj yang berbaris meraikan hari pertama beliau memulakan tugas sebagai Presiden.

Fadlun telah dilantik sebagai Presiden Perbadanan Putrajaya yang ke-7 menggantikan Datuk Azmi Mohd Zain yang telah dinaikkan pangkat sebagai Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan. **W.K**



PRESIDEN Perbadanan Putrajaya (PPj), Datuk TPr Fadlun Mak Ujud melakukan Pemeriksaan Baris Kawalan Kehormatan Utama Penguat Kuasa PPj di Laman Gerbang Kompleks PPj Selasa lalu.



Layar gergasi Malaysia vs Bangladesh gamatkam Putrajaya



Imbas kod QR untuk tonton video



SUASANA meriah di Dataran Putrajaya dipenuhi peminat bola sepak yang hadir bagi menyaksikan siaran langsung perlawanan Malaysia bertemu Bangladesh.





Makan Malam Jubli Emas Kuala Lumpur dihiasi kebudayaan dan tradisi



AMIN FARID HASAN

TANGGAL 1 Februari 1972, Kuala Lumpur telah diisytiharkan sebagai sebuah bandar raya pertama di Malaysia. Pada tahun ini, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah meraikan Sambutan Jubli Emas bagi memperingati usia bandar raya Malaysia pertama yang telah genap 50 tahun.

Baru-baru ini, pada 14 Jun yang

lalu, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur menjadi hos kepada Majlis Makan Malam Jubli Emas bagi meraikan tetamu jemputan yang terdiri dari para Duta, Pesuruhjaya Tinggi Kedutaan dan Ketua Organisasi Antarabangsa yang berpusat di Kuala Lumpur.

Majlis yang turut di hadiri oleh Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias, Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Rosida Jaafar dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah, bertujuan menzahirkan ucapan

terima kasih dan penghargaan kepada para tetamu jemputan yang sentiasa bersama bertanggungjawab menjadikan Kuala Lumpur sebagai sebuah bandar raya yang mampar, berdaya tahan, selamat, sejahtera dan inklusif untuk semua.

Dalam masa yang sama, pengajuran majlis ini juga memberi pendedahan kepada 400 tetamu yang hadir mengenai kebudayaan dan warisan Malaysia serta sejarah Kuala Lumpur kepada para jemputan yang banyak memainkan peranan penting terutamanya dalam menggalakkan, meningkatkan dan merancakkan pelaburan di Kuala Lumpur. WK



BARISAN artis kebudayaan DBKL mempersembahkan tarian kebudayaan yang pelbagai dalam Majlis Makan Malam Jubli Emas Kuala Lumpur.



SERAMAI 400 orang tetamu dari pelbagai negara hadir memeriahkan majlis.

Utamakan ibu, rahsia murah rezeki Kak KM



DEEL ANJER

USAHAWAN sensasi, Liana Rosli atau **Kak KM** akui hasil kejayaannya dalam bisnes adalah berkat berbuat baik kepada ibu dan keluarga.

Kak KM berkata, dia sentiasa memberikan yang terbaik sebagai anak, ibu dan isteri. Itu antara rahsia kejayaannya hingga kini.

"Pertama sekali, memang kena buat baik dengan mak bapak. Macam mana marah pun, kita tak boleh cakap fasal mereka, tak boleh nak marah-marah mereka. Mak cuma satu. Kalau nak berkatlah.

"Selain itu kita kena jaga bahagian tanggungjawab kita. Kita dengan

anak-anak, suami dan adik-beradik. Kena jaga benda itu dulu. Bagi saya itulah asasnya."

"Kemudian barulah sibukkan untuk benda lain. Mak dengan mak mertua itu memang nombor satu," katanya ketika ditemui pada Sidang Media Minggu Usahawan Negara 2022, Festival Fesyen dan Kecantikan, baru-baru ini.

Turut dilancarkan dalam acara yang sama ialah Starvendors Kedah Raya Fest 2022 di *Malaysia Grand Bazaar @ Lalaport*, Bukit Bintang City Center, Kuala Lumpur.

Ditanya mengenai proses pengubahsuaian rumah baharunya yang bernilai lebih RM5 juta, Kak KM menjelaskan ia mungkin mengambil masa sekitar setahun.

"Kita bagi masa dalam setahun sebab nak runtuhkan semua dan nak naikkan balik. Sebab kita ambil keputusan untuk ubah suai kerana



BERSAMA ibu tersayang, Normah Damanhuri.

anak bertambah, kalau boleh biarlah bilik seorang satu dan nak ada surau," katanya lagi. **W.K**

Fiza Halim kecewa difitnah tawar khidmat seks

BEKAS anggota kumpulan Elite dan pelakon, Fiza Halim kecewa apabila dituduh kononnya menawarkan khidmat seks untuk duit.

Fiza akui terkilan dengan dakwaan menjual tubuh kepada beberapa individu tertentu seperti dimuat naik sebuah akaun *Instagram*.

Baginya, tuduhan tersebut amat berat di saat ibunya yang sedang bertarung nyawa dengan kanser usus tahap tiga.

"Sebenarnya, saya ini malas nak layan sebab tak tahu nak kata apa. Saya tahu tentang fitnah itu pun sebab peminat yang hantar kepada saya."

"Kalau saya diam saja, orang anggap berita itu betul. Kalau jelaskan pun, mesti ada yang kata tipu. Saya pun tak tahu dah nak kata apa."

"Sudahlah ibu saya tengah sakit sekarang ini. Dia baru saja disahkan menghidap penyakit kanser usus tahap tiga, tiba-tiba datang pula masalah lain macam ini," katanya.

Fiza tampil menjawab dakwaan sebuah akaun *Instagram* yang

berkongsi pendedahan kononnya dia membuat maksiat dengan seorang pelanggannya dalam bilik air di sebuah hotel terkemuka.

Melalui perkongsian itu juga, terdapat paparan skrin beberapa status pengguna *Twitter* yang mendakwa pernah membayar Fiza untuk perkhidmatan seks.

Bagi *Wilayahku*, janganlah sesekali mudah menabur fitnah. Bukan hanya empunya badan sahaja yang tercemar

maruahnya, malah seluruh keluarganya turut menanggung malu.



"Saya tetap dengan cara saya" – Ifa Raziah

LEBIH 27 tahun dalam bidang seni, selebriti dan usahawan **Ifa Raziah** atau nama sebenarnya, Saripah Raziah Mustapha, 46, mendedahkan dia tidak bersikap hipokrit dan selesa menjadi diri sendiri.

"Saya tetap dengan cara saya dan memang seorang yang *outspoken*. Netizen bukan kawan saya, saya pun tak kenal siapa. Mungkin mereka tak boleh nak terima seadanya Ifa Raziah tu macam mana."

"Tetapi orang dalam industri yang sudah berpuluhan tahun dengan saya selama 27 tahun, mereka sudah faham saya macam mana," ujarnya yang mengakui mustahil untuknya mengawal penerimaan netizen terhadap dirinya.

Malah penyanyi lagu Ser Ser Ser ini juga mengaku tidak mampu memuaskan hati semua orang di luar sana.

"Dia macam ni, ada benda yang kita suka dan sebaliknya. Kita tak boleh puaskan hati semua orang untuk suka kita. Adakah mereka tak suka kita, tapi buat suka."

"Jadi kita layan sahaja. Kalau kata nak suka, atau nak cipta isu jadi viral lantak pi lah. Tapi itulah saya punya kenyataan ikhlas, pandangan dari saya."

"Janganlah dok ingat dengan pandangan netizen sahaja. Pandangan saya pun kena diambil kira juga," katanya lagi.

Terdahulu, Ifa Raziah meluahkan rasa ralat selepas dikecam netizen susulan satu rakaman video siaran langsungnya dimuat naik kembali oleh pengguna media sosial.

Potongan video yang sudah diedit itu mencetuskan tular selepas dia mendakwa sudah tiga kali pergi mengerjakan umrah meski belum berhijab.



PERBADANAN Pembangunan Kampong Bharu (PKB) merujuk kenyataan Ahli Parlimen Shah Alam Khalid Abd Samad di media portal *Malaysia Gazette* bertarikh 12 Jun 2022 berhubung status Projek Pembangunan Semula Sungai Baru, Kampung Baru Kuala Lumpur.

1. Projek Pembangunan Semula Sungai Baru, Kuala Lumpur ini telah bermula pada tahun 2016 dan ianya adalah inisiatif kerjasama swasta di antara 328 pemilik harta (64 pemilik lot teres dan 264 pemilik unit flat PKNS Sungai Baru) dengan Pemaju iaitu Syarikat Ritzy Gloss Sdn Bhd (pemaju).

2. Melalui sesi libat urus yang dilaksanakan oleh Pemaju, sejumlah **219 pemilik** iaitu **66.77 peratus** (**27 pemilik lot teres dan 192 pemilik unit flat**) telah bersetuju dengan program pembangunan secara usaha sama bersama Pemaju. Manakala perolehan tanah bagi baki 33.23 peratus pemilik yang tidak bersetuju (37 pemilik lot teres dan 72 pemilik unit flat) telah dilaksanakan menggunakan Akta Pengambilan Tanah (APT) 1960.

3. Walau bagaimanapun, dengan sesi libat urus berterusan yang dilaksanakan oleh pemaju seperti sesi-sesi pembentangan dan penerangan, dialog, rundingan, mesyuarat bersama pemilik lot teres dan unit flat, pelaksanaan unit bergerak, khidmat nasihat guaman dan pembukaan pejabat kecil di tapak, **sehingga ke hari ini, sejumlah 291 lot dan unit flat (27 lot teres dan 264 unit flat)** yang mewakili **188.72 peratus** telah pun bersetuju dengan Projek Pembangunan Semula ini. Dalam masa yang sama, pemaju juga terus berusaha untuk berjumpa dan mengadakan sesi libat urus bersama pemilik 37 lot rumah teres yang tidak bersetuju, namun tidak mendapat kerjasama.

4. Pengambilan tanah bagi Projek Pembangunan Semula Sungai Baru telah diwartakan di bawah Seksyen 8 Akta Pengambilan Tanah 1960 (APT 1960) pada 21 Jun 2021. Pengambilan tanah ini membabitkan 37 lot teres, 72 unit flat dan satu lot pencawang elektrik Tenaga Nasional Berhad (TNB).

5. Setakat Mac 2022, proses pengambilan 72 unit flat telah pun selesai dilaksanakan. Isu yang masih berbangkit kini hanyalah yang melibatkan pengambilan 37 lot teres.

6. Kawasan Sungai Baru terletak dalam Kawasan Pembangunan Kampung Baru yang diisytihar berdasarkan Warta Kerajaan Persekutuan No P.U. (A) 21 bertarikh 10 Februari 2015. Keluasan kawasan Sungai Baru adalah 12.93 ekar daripada 300.73 ekar keseluruhan kawasan operasi Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu (PKB).

7. Pembangunan ini walau bagaimanapun berada di luar Kawasan Petempatan Pertanian Melayu (*Malay Agricultural Settlement* – M.A.S) dan tidak mempunyai sebarang sekat tanah pemilikan oleh orang Melayu. Pegangan tanah di kawasan Sungai Baru adalah secara pajakan

Status Projek Pembangunan Semula Sungai Baru, Kampung Baru Kuala Lumpur

bertempoh 99 tahun. Manakala tanah M.A.S di Kampung Baru mempunyai syarat sekat tanah yang hanya boleh dimiliki oleh orang Melayu sahaja.

8. Pembangunan semula ini selari dengan Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020 (PSKL 2020) yang diwartakan, Pelan Induk Pembangunan Semula Kampong Bharu 2040 (PIP KB 2040) dan Panduan Pelaksanaan Pembaharuan Semula Kampong Bharu (PPPSKB). Ia juga adalah selari dengan Panduan Pelaksanaan Pembaharuan Semula Kuala Lumpur yang dikeluarkan oleh Kementerian yang bertujuan untuk mengenal pasti dan membangunkan kawasan-kawasan yang telah usang dan tidak selamat serta berpotensi untuk dibangunkan semula bagi menyediakan penempatan yang kondusif secara mampan dan memberi nilai tambah dalam aspek ekonomi.

9. Berdasarkan APT 1960, tiada sebarang peratusan persetujuan pemilik tanah disyaratkan sebelum sebarang pengambilan balik tanah dilaksanakan. Namun dalam Program Pembangunan Semula di Kampung Baru, pihak Kementerian telah menetapkan bahawa pembangunan semula hanya boleh dipertimbangkan sekiranya pihak pemaju berjaya memperolehi sekurang-kurangnya nilai ambang (*threshold*) 50 peratus persetujuan pemilik harta (bagi menjaga kepentingan dan kesejahteraan warga terlibat).

10. Program pembangunan semula secara hibrid melalui perjanjian usaha sama pemilik dengan pemaju serta pengambilan semula tanah adalah alternatif kaedah pembangunan bagi merealisasikan pembangunan semula dengan mengambil kira kepentingan pemilik yang majoritinya telah bersetuju.

11. Oleh yang demikian, Program Pembangunan Semula yang dilaksanakan di Sungai Baru sebenarnya telah pun mematuhi semua tatacara dan prosedur seperti yang telah ditetapkan di bawah APT 1960 seperti berikut:

i) Pertamanya, permohonan pengambilan tanah ini telah dibawa untuk **pertimbangan dan penelitian Jawatankuasa Khas Pengambilan Tanah Wilayah Persekutuan (JKPTW), Jabatan Perdana Menteri** selaras dengan Seksyen 3A (1) APT 1960 bagi memastikan pemaju ini berkeupayaan melaksanakan pembangunan dan daya maju projek. Dengan keupayaan tersebut, melayakkkan pemaju untuk melaksanakan proses perolehan tanah melalui kaedah pengambilan tanah.

ii) Kelulusan permohonan

pengambilan tanah ini telah diluluskan oleh Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JKT WPKL) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN) di bawah subseksyen 3(1)(c) APT 1960.

iii) Pewartaan di bawah Seksyen 4 APT 1960 telah dibuat melalui Warta Kerajaan Persekutuan No 9400 bertarikh 18 Jun 2021, manakala pewartaan di bawah Seksyen 8 Akta yang sama telah dibuat melalui Warta Kerajaan Persekutuan No 9412 bertarikh 21 Jun 2021.

iv) Perenggan 3(1)(c) APT 1960 memperuntukkan Pihak Berkua Negeri boleh mengambil mana-mana tanah yang diperlukan bagi maksud perlombongan atau untuk kediaman, pertanian, perdagangan, perindustrian, rekreasi atau mana-mana kombinasi maksud itu.

12. Dalam menggunakan kaedah pengambilan tanah, prinsip keadilan dan hak kepada harta yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan hendaklah dipatuhi. Perkara 13(1) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa tiada seorang pun boleh dilucutkan hartanya kecuali mengikut undang-undang. Perkara 13(2) Perlembagaan Persekutuan pula memperuntukkan bahawa tiada undang-undang boleh memperuntukkan pengambilan atau penggunaan harta dengan paksa tanpa pampasan yang mencukupi.

13. Berdasarkan kepada perenggan 7 dan 8, **pengambilan tanah ini sewajarnya diteruskan kerana telah memenuhi syarat perundangan di bawah APT 1960. Sekiranya proses pengambilan tanah ini dibatalkan, pemaju akan menanggung jumlah kerugian yang besar iaitu:**

i) RM50 juta iaitu bayaran deposit pengambilan tanah kepada pihak JKPTG;
ii) RM30 juta untuk kos penyediaan rumah transit dan rumah sewa kepada penduduk bersetuju sehingga rumah ganti siap dibina oleh pemaju (rumah transit yang disediakan di Residensi Kerinchia adalah berkeluasan 900 kaki persegi berbanding dengan rumah flat sedia ada pemilik yang hanya berkeluasan 441 hingga 602 kaki persegi); dan

iii) Pemaju juga terpaksa menanggung **kos pemindahan semula penduduk bersetuju pulang ke rumah asal serta kos pemberian rumah yang telah ditinggalkan selama enam tahun.**

14. Dalam hal ini, kerajaan perlu bersedia untuk menanggung semua kos kerugian pemilik yang bersetuju dan pemaju seperti

yang dinyatakan di atas sekiranya kerajaan enggan meneruskan proses pengambilan tanah berdasarkan APT 1960.

15. Sementara itu, peranan PKB pula adalah untuk bertindak sebagai fasilitator bagi kedua-dua pihak pemaju dan pemilik untuk membantu melancarkan pelaksanaan pembangunan semula ini selaras fungsinya yang diperuntukkan di bawah Seksyen 14 Akta Perbadanan Pembangunan Kampung Baru 2011. Ini memandangkan projek ini bakal memberi nilai tambah dan nilai-nilai positif baharu kepada Kampung Baru sekiranya ianya berjaya dilaksanakan.

16. Pengosongan premis adalah berdasarkan kepada penduduk yang telah pun menerima Borang K (Notis Bahawa Milikan Tanah / Peletakkan Petak Telah Diambil) APT 1960 dan telah menerima bayaran penuh pampasan bermula dari bulan Mac 2022 hingga Jun 2022. Dalam erti kata lain harta tersebut bukan lagi milik pemilik.

17. Tempoh pengosongan premis diberikan sehingga 31 Julai 2022 adalah untuk memberi kemudahan kepada pemilik untuk berpindah. Dalam hal ini, **peletakan hak premis yang diambil milik diletakkan di bawah PKB yang bertindak sebagai pihak berkua berkanun bertujuan untuk memastikan hak pemilik terpelihara** dan mengekang pemaju dari membuat sebarang tindakan yang akan menjelaskan pelaksanaan pembangunan dan memastikan pembangunan siap sepenuhnya.

18. Dalam menjalankan perannya untuk membantu dan menjadi pemudah cara kepada semua pihak berkepentingan bukan sahaja kepada pemaju, tetapi kepada pemilik dan pihak-pihak berkepentingan yang lain agar pembangunan semula ini berjalan dengan lancar, pihak PKB juga telah mengambil inisiatif untuk mengadakan beberapa sesi perbincangan dan libat urus bersama pemaju dan pemilik 37 lot teres yang tidak bersetuju. Hasilnya pemaju telah beberapa kali menambah baik tawaran kepada pemilik 37 lot teres yang tidak bersetuju tersebut namun telah ditolak.

19. Pada sesi libat urus pada 7 Jun 2022 PKB telah membentangkan persetujuan pemaju yang telah menawarkan tawaran semula usaha sama yang menyamai tawaran yang dibuat kepada penduduk yang bersetuju awal untuk mengadakan perjanjian usaha sama bersama pemaju. Tawaran ini merangkumi insentif persetujuan perjanjian usaha sama, bayaran pengosongan

rumah sedia ada, bayaran pemindahan ke unit gantian, unit gantian (*in-kind*) serta lebihan bayaran unit gantian secara tunai, bayaran penyewaan rumah transit dan bayaran ubah suai rumah sedia ada yang akan ditentukan oleh pihak profesional.

20. Setiap lot teres dianggarkan memperolehi bayaran di antara RM2.7 juta hingga RM7.4 juta bergantung kepada keluasan tanah dan bangunan lot teres sekarang. Ini adalah tawaran yang maksimum dan terbaik oleh pemaju kepada pemilik 37 lot teres yang terlibat dengan pengambilan tanah.

21. Tawaran usaha sama pemaju telah dikemukakan semula kepada pemilik yang tidak bersetuju dan pemilik menolak tawaran usaha sama berkenaan. Pemilik telah memohon perkara berikut:

i) Pewartaan Seksyen 8, APT 1960 berdasarkan Warta Kerajaan Persekutuan No 9412 bertarikh 21 Jun 2022 berkenaan pengambilan tanah Projek Pembangunan Semula Kawasan Sungai Baru, Kuala Lumpur dibatalkan dan dibincangkan semula; dan

ii) Tawaran usaha sama yang lebih tinggi diberikan sekarang dengan bayaran dibuat secara tunai.

22. Proses pembangunan semula Sungai Baru telah dilaksanakan mengikut peruntukan perundangan sedia dan tiada isu penindasan atau ketidakadilan kepada penduduk. Dalam hal ini juga, perhatian perlu diberikan kepada kepentingan dan kebaikan pemilik yang telah bersetuju dengan pembangunan tersebut yang mana pemilik-pemilik ini telah dipindahkan di penempatan sementara di luar Kampung Baru selama hampir lima tahun.

23. Tindakan pihak-pihak yang tiada kepentingan dan pengetahuan berkenaan pembangunan ini sebaliknya telah menyebabkan kekeliruan dan isu yang tidak munasabah demi kepentingan diri pihak tersebut. **Bekas Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abdul Samad telah mengambil kesempatan untuk menularkan satu fakta yang tidak tepat bersifat remeh dan menyusahkan semua pihak khususnya majoriti pemilik yang telah bersetuju dengan pembangunan semula ini.**

24. Berkaitan dengan status Pengerusi PKB seperti dibangkitkan, hal tersebut tidak ada kena mengena dengan isu semasa Program Pembangunan Semula Sungai Baru, namun semakan akan dibuat sewajarnya oleh pihak pengurusan Kementerian Wilayah Persekutuan.

Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu.

TS DR RODZIDAH
MOHD RODZI

SERAMAI 15,380 graduan dari 32 cawangan Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) diraikan pada Majlis Konvokesyen ILJTM kali ke-25, yang berlangsung selama 15 hari bermula dari 8 Jun hingga 3 Julai 2022. Graduan yang berjaya menamatkan pengajian ini merupakan lulusan daripada 35 program bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) bagi sesi tahun 2019, 2020 dan 2021 yang tertangguh ekoran pandemik COVID-19.

Pada 8 Jun lalu (Rabu), perasmian dan pengisytiharan majlis konvokesyen telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Awang Hashim dan disaksikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Manusia (JTM), Shakib Ahmad Shakir di Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Shah Alam.

Dalam ucapan perasmian, Datuk Awang Hashim berkongsi rasa gembira dan bangga terhadap semua graduan yang dianugerahkan Sijil dan Diploma atas kejayaan menamatkan pengajian di ILJTM.

"Besar harapan saya semoga dengan segala usaha ini, negara akan mampu melahirkan lebih ramai tenaga mahir dan profesional dalam bidang TVET. Saya yakin, industri TVET akan menjadi teras penting memacu pembangunan industri dan ekonomi negara," katanya.

Menurut Datuk Awang Hashim, menjelang 2030, kerajaan menyasarkan peningkatan 35 peratus tenaga kerja berkemahiran tinggi baharu dalam sektor ekonomi malah TVET dilihat sebagai 'game changer' atau medium yang dapat membantu mencapai sasaran

Majlis Konvokesyen Ke-25 Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia

ILJTM rai lebih 15,000 graduan



SEKITAR Majlis Konvokesyen ILJTM yang meraikan graduan bagi sesi tahun 2019, 2020 dan 2021.



Ketua Pengarah JTM, Shakib Ahmad Shakir, bersama Pengurus Bank Dunia Malaysia, Dr Yasuhiro Matsuda.

itu. Ini berdasarkan Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030 yang turut mengiktiraf TVET sebagai antara pemboleh daya yang dapat menyumbang ke arah pembentukan negara membangun yang makmur, inklusif dan manpar.

Pada konvokesyen kali ini, Syed Muhammad Azizi Tuan Sembak telah dinobatkan sebagai penerima Anugerah Tokoh Alumni. Beliau dipilih berdasarkan jumlah pendapatan yang diterima dalam kerjaya, pencapaian akademik yang cemerlang, penglibatan aktif dalam persatuan alumni dan sumbangan berbakti kepada masyarakat.

Sementara itu, Shakib berkata prestasi cemerlang itu membuktikan bahawa institusi TVET berpotensi besar melahirkan

graduan berkualiti dengan pakej kemahiran generik yang merupakan kriteria utama pekerja pilihan majikan.

Shakib menzahirkan ucapan tahniah dan syabas kepada para graduan yang berjaya menamatkan pengajian dalam bidang masing-masing. Beliau turut merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua pihak yang telah menggembangkan tenaga khususnya Menteri dan Timbalan Menteri Kementerian Sumber Manusia (KSM), jawatankuasa induk, kakitangan JTM dan KSM, para graduan, pelajar, kontraktor dan tetamu yang telah bekerjasama menjayakan majlis konvokesyen ini.

ILJTM adalah merupakan Institut Pengajaran Tinggi Awam

milik penuh JTM di bawah KSM yang mula beroperasi sejak tahun 1964. Sehingga kini, ILJTM terdiri daripada 32 cawangan yang dipohong kemasukan melalui portal rasmi Unit Pusat Universiti (UPU).

ILJTM menawarkan program TVET di peringkat Diploma Lanjutan, Diploma dan Sijil. Objektif utama ILJTM adalah untuk melahirkan tenaga manusia yang optimum melalui program latihan kemahiran perindustrian.

Sementara itu, Shakib telah mempergerusikan lawatan oleh Pengurus Bank Dunia Malaysia (*World Bank Malaysia*), Dr Yasuhiro Matsuda berserta delegasi.

"Rangka lawatan tersebut bertujuan mengimbau landskap pendidikan TVET di Malaysia dan sebahagian strategi JTM

untuk menjalinkan hubungan antarabangsa," katanya.

JTM turut merangkai kerjasama dengan *Japan International Cooperation Agency (JICA)*, mempelopori kerjasama bersama Universiti Dongyang Mirae, Korea Selatan dan Kolej Vokasional Yantai, China. Selain itu, JTM akan bekerjasama dengan Kesatuan Eropah melalui program *Vocational Education and Training (VET) Toolbox* untuk membangunkan kerangka latihan vokasional bagi golongan B40.

Penulis merupakan Pegawai Khas (Penyelidikan) di Jabatan Tenaga Manusia Kementerian Sumber Manusia Malaysia. Beliau boleh dihubungi di rodzidah@mohr.gov.my.

Sumbangan bencana banjir MMU ringankan beban 23 pelajar



HAZIRAH HALIM

SERAMAI 23 pelajar yang terjejas akibat bencana banjir baru-baru ini menerima bantuan bernilai RM8,510 daripada Universiti Multimedia (MMU) di Kampus MMU, Cyberjaya, pada Isnin lalu.

Sumbangan tersebut diberikan bagi meringankan beban keluarga pelajar-pelajar yang menetap di kawasan terjejas banjir iaitu negeri Selangor, Perak, Pahang dan Johor.

Salah seorang penerima bantuan, **Ammar Abd Manaf**, 22, menyifatkan sumbangan berkenaan sedikit sebanyak meringankan beban keluarganya selepas rumah mereka di Lengga Muar, Johor musnah ditenggelami

banjir pada awal Januari lalu. "Bencana banjir yang menenggelamkan rumah saya setinggi paras dada itu telah merosakkan banyak kelengkapan rumah seperti peralatan elektrik, perabot dan lain-lain sehingga menyebabkan kami sekeluarga mengalami kerugian lebih RM5,000," kata pelajar Ijazah Sarjana Muda Pemasaran itu.

Sementara itu, penuntut tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik Telekomunikasi, **Muhammad Yusri Azpansyah IrwanSyah**, 22, turut melahirkan rasa syukur dan terima kasih di atas keprihatinan MMU membantu mangsa-mangsa terjejas dengan sumbangan tersebut.



MUHAMMAD YUSRI

"Semasa banjir berlaku pada Disember 2021, kami semua belajar secara atas talian (*online*) di rumah tetapi *alhamdulillah*, terima kasih MMU kerana prihatin dan terus membantu pelajar-pelajarnya yang ditimpa musibah."

"Dengan sumbangan ini, bolehlah saya serahkan kepada keluarga untuk membeli kelengkapan dan barang-hiasan rumah terutama cat serta barang-barang keperluan lain," kata pelajar dari Kampung Pauh Behrang, Perak ini.

Terdahulu, Majlis Serahan Bantuan Banjir MMU anjuran Jabatan Hal Ehwal Pelajar (STAD) dan Majlis Perwakilan Pelajar (SRC) menyaksikan sumbangan itu disampaikan oleh Presiden

MMU, Profesor Datuk Dr Mazlizan Mohd Su'd kepada 23 pelajar berkenaan.

Turut hadir, Naib Presiden Pembangunan Keusahawanan dan Pengalaman Pelajar, Profesor

Dr Wong Eng Kiong; Pengarah Jabatan Hal Ehwal Pelajar (STAD), Puan Seri Kusumawati Mohd Daud dan Presiden Majlis Perwakilan Pelajar, Siti Jamila Syuhada Jailani.

WK



MAZLIZAN (dua kiri) menyampaikan sumbangan kepada salah seorang pelajar terjejas banjir, Ammar Abd Manaf di Kampus MMU, Cyberjaya, Isnin lalu.

Merancak daya saing pengeluaran makanan negara

DR MOHD ZAIDI
MD ZABRI

UMUM mengetahui bahawa salah satu sektor yang paling terkesan dek pandemik COVID-19 ialah sektor ekonomi.

Meskipun begitu, di sebalik kejayaan negara kita yang berjaya beralih ke fasa endemik, salah satu akibat tidak disengajakan (*unintended effect*) yang sedang dirasakan oleh rakyat terbanyak ialah kenaikan harga barang atau lebih dikenali sebagai inflasi.

Untuk rekod, menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), kadar inflasi negara pada April 2022 telah meningkat 2.3 peratus (%) berbanding April 2021.

Kenaikan yang telah didorong sebahagian besarnya oleh kenaikan dalam kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol (4.1%) ini juga telah melepas purata inflasi negara bagi tempoh 2011 hingga April 2022 (1.9%).

Selain itu, pada Mac lalu, dunia juga terpaksa berhadapan krisis makanan yang meruncing sejak berdekad lamanya berikutan pencerobohan Rusia ke atas Ukraine.

Untuk konteks, Rusia merupakan pengeluar utama bahan yang diperlukan untuk menanam bijirin. Rentetan pencerobohan ini juga, Ukraine tidak lagi dapat mengeksport jagung dan bijirin yang merupakan komponen utama makanan ayam.

Alhasil, rakyat Malaysia telah menyaksikan harga ayam melonjak setingga RM15 sekilogram belakangan ini meskipun pihak kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah menetapkan harga siling jualan sebanyak RM8.90.

Kenaikan berterusan dalam inflasi harga makanan ini juga telah menjelaskan kuasa beli dan pendapatan M40 dan B40 yang masih bergelut dengan kesan pandemik COVID-19.

Justeru, sebagai langkah jangka masa pendek, mulai 1 Jun, negara kita telah mengurangkan eksport ayam yang mencecah 3.6 juta ayam setiap bulan demi menstabilkan pengeluaran dan harga domestik.

Sungguhpun begitu, sekiranya permasalahan kekurangan bekalan ayam ini disingkap secara holistik, kita bakal menyaksikan permasalahan yang lebih membarah iaitu masalah struktur industri pertanian Malaysia yang bergantung tinggi kepada makanan import.

Untuk makluman, tahap keselamatan makanan sesebuah negara diukur menggunakan nisbah mampu diri atau '*self-sufficiency ratio*' (SSR).



Menurut Organisasi Makanan dan Pertanian bagi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (FAO), SSR menerangkan sejauh mana bekalan atau pengeluaran komoditi pertanian dapat memenuhi permintaan domestik. SSR sebanyak 100% atau lebih menunjukkan bekalan atau pengeluaran komoditi pertanian mencukupi untuk memenuhi permintaan negara dan begitu juga sebaliknya.

Meskipun negara bertuhu ini begitu kaya dengan sumber asli, termasuk tanah yang subur untuk pertanian, menurut DOSM, hanya 19 barang makanan yang berjaya merekodkan SSR melebihi 100% pada 2020 berbanding 25 pada 2019.

Antara bahan makanan yang mencatatkan SSR kurang daripada 100% ialah daging kambing (9.6%), halia (18.9%), mangga (20.2%), daging lembu (22.2%), cili (30.9%), kubis bulat (37.5%), susu segar (65.0%), beras (63.0%), kelapa (66.6%), keledek (75.6%) dan sardin (80.7%).

Malah, sekiranya kita mengambil kira jumlah besar import makanan kita, pada 2020 sahaja, Malaysia telah mengimport produk makanan sebanyak RM55.5 bilion, berbanding eksport bernilai RM33.8 bilion (defisit sebanyak RM21.7 bilion).

Sebagai perbandingan, jumlah defisit ini hampir menyamai peruntukan perbelanjaan mengurus bagi keseluruhan Kementerian Kesihatan Malaysia pada 2022 iaitu sebanyak RM28 bilion.

Bahkan, yang lebih membimbangkan, sejak sedekad lalu, jumlah terkumpul import makanan negara ialah sebanyak RM482.8 bilion berbanding eksport (RM296 bilion).

Permasalahan ini juga semakin meruncing dengan kejatuhan nilai Ringgit Malaysia. Untuk konteks, pada 1 Januari 2022, AS\$1 bersamaan RM4.18. Dan belakangan ini, ringgit telah melemah kepada hampir RM4.40.

Sebagai contoh, seminggu sebelum Rusia menceroboh Ukraine, harga gandum dunia ialah sekitar AS\$760.14 (RM3,200.19) per busuel. Dan kini, harga gandum sedang berlebar di sekitar AS\$1,000 (RM4,391.50).

Disebabkan kejatuhan nilai ringgit, para penternak ayam perlu menyerap kenaikan kos hampir setengah kali ganda untuk mengimport bahan mentah mereka. Natijahnya, semakin banyak import kita, lebih banyaklah ringgit yang mengalir keluar daripada negara ini. Semakin 'deras' pengaliran keluar mata wang kita, kedudukan ringgit akhirnya bakal melemah.

Di samping itu, Indeks Keselamatan Makanan Global 2021 oleh *The Economist Group* (penerbit surat khabar ekonomi terkemuka UK iaitu *The Economist*) meletakkan Malaysia di kedudukan ke-39, jauh di belakang Ireland (pertama), UK (ketiga), Finland (keempat) dan Belanda (keenam).

Kita juga jauh ditinggalkan oleh negara jiran seberang tambak iaitu Singapura (ke-15). Bukan itu sahaja, kita juga tewas dengan negara-negara beriklim kersang seperti Qatar (ke-24) dan Kuwait (ke-30).

Sebagai penyelesaian jangka masa sederhana dan panjang, kita harus mengusahakan selua mungkin daripada 'bank' tanah terbari di negara ini.

Menurut Jabatan Pertanian Malaysia (DOA), keluasan tanah terbari di negara ini ialah 103,563 hektar atau 1,035.63 kilometer (km) persegi iaitu sebesar negeri Pulau Pinang yang berkeluasan 1,031 km persegi.

Justeru, kita memerlukan penggembangan tenaga dan kerjasama strategik di antara kerajaan persekutuan dan negeri demi memanfaatkan khazanah alam sebesar Pulau Pinang ini.

Selain itu, kita boleh memanfaatkan bangunan terbari bagi menanam pelbagai jenis tanaman makanan terutamanya

sayur-sayuran.

Sudah tiba masanya kita mengoptimumkan penggunaan teknologi pertanian seperti pertanian pintar (*smart farming*), pertanian jitu (*precision farming*) dan pertanian menegak (*vertical farming*) yang dipacu oleh *Internet of things* (*IoT*), data raya (*big data*) dan kecerdasan buatan (*artificial intelligence*).

Selain itu, kita juga perlu mengatasi antara permasalahan terbesar dalam industri pertanian negara iaitu kebergantungan kepada tenaga kerja asing dan kadar penglibatan golongan belia yang rendah (hanya 15% daripada 1.4 juta belia di negara ini).

Oleh demikian, kita memerlukan sebuah pelan (dan yang terpenting, pelaksanaan) komprehensif bagi melaksanakan kerjasama sinergistik di antara Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian

“ Disebabkan kejatuhan nilai ringgit, para penternak ayam perlu menyerap kenaikan kos hampir setengah kali ganda untuk mengimport bahan mentah mereka. Natijahnya, semakin banyak import kita, lebih banyaklah ringgit yang mengalir keluar daripada negara ini. Semakin ‘deras’ pengaliran keluar mata wang kita, kedudukan ringgit akhirnya bakal melemah.

Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan Kementerian Belia dan Sukan dalam merangka program latihan dan membangunkan insentif kewangan bersasar demi membantu dalam menarik (dan mengekalkan) minat usahawan tani muda untuk melibatkan diri dalam sektor pertanian.

Melalui daya usaha di atas, kita bakal merancakkan pengeluaran makanan tempatan, menjamin keselamatan makanan, mengurangkan pelepasan gas rumah hijau dan sekali gus memperlahan kesan pemanasan global.

Penulis merupakan pensyarah kanan di Jabatan Kewangan, Fakulti Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Malaya. Beliau boleh dihubungi di zaidizabri@um.edu.my.

M'SIA MEMPERTINGKATKAN LANGKAH JAMINAN SEKURITI MAKANAN

Majlis Tindak Ekonomi (EAC) ini memutuskan untuk:

- Perkenal harga siling beras**
 - Berubah mengikut harga input
 - Menjadi pelengkap kepada bantuan terus bersasar
- Perluas ekosistem agromakanan**
 - Rantau bekalan ditengku syarikat pelaburan kerajaan (GSC), syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GUC) & kerajaan
 - Bagi pastikan kualiti & kuantiti / pengeluaran hasil optimum & jaminan bekalan
 - Ini termasuk membekal anak dedak, pengangkutan & pemasaran
- Memodenasi & menggalakkan pertanian pintar**
 - Menerusi peningkatan kerjasama awam & swasta
 - Akan menyatakan tanah lada, tanah terbari & tanah wakaf
- Memastikan pasaran untuk hasil pertanian**
 - Menggalakkan ladang kontrak bagi pastikan padanan hasil pertanian dengan permintaan
- ISU LAIN DIBANGKITKAN**
 - MEMUDAHKAN PERNIAGAAN**
 - Memodenkan peraturan berkaitan
 - Bagi melanjutkan produktiviti & daya saing
 - Melewati Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH)
 - MyMudah akan diperlakukan di semua kementerian, agensi persekutuan, negeri, pihak berkuasa tempatan & persatuan perniagaan
 - Susah selesaikan isu dalam masa 60 hari
 - Berbanding tempoh 6 – 12 bulan sebelum ini
 - Dengan merancangkan program uji kaji peraturan kelahan Unit-Unit MyMudah
 - Turutlagi pekerja asing di negeri-negeri
 - Berbanding hanya di pusat One Stop Centre (OSC) Kementerian Sumber Manusia di Putrajaya
 - OSC yang melibatkan semua kementerian & agensi berkaitan proses kemaskini pekerja asing akan diperlakukan

KEKURANGAN TENAGA MAHIR DALAM SEKTOR E&E

- Kerajaan secara prinsip bererset untuk:**
 - Laksana program train & place untuk 1,000 jurutera & 1,000 juruteknik
 - Baik & percepatkan pengambilan ekspatriat & pekerja asing
- Persatuan Industri Semikonduktor Malaysia (MISI) akan dapat kerjasama:**
 - Kementerian Perdagangan Antarabangsa & Industri (MITI)
 - Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)
 - Kementerian Sumber Manusia (KSM)

E&E - Elektronik & elektronik
Diterbitkan: 13 Jun 2022
Infographic: Jeng



"Ada yang kami bagi rumah" ... Aleeya seronok guna untung niaga bantu golongan asnaf



DEEL ANJER

DALAM banyak-banyak amalan kebaikan, akan ada manusia ketika di dunia dulu sangat berat untuk bersedekah.

Namun, ketika menghadapi saat kematiannya, dia merayu kepada Allah supaya ditangguhkan seketika supaya dia dapat berbuat demikian.

Menyedari kelebihan bersedekah, pengasas produk Avenys dan selebriti media sosial, **Aleeya Zailan**, 37, sentiasa berkongsi rezeki dengan anak-anak yatim dan golongan asnaf.

Baginya, sikap suka bersedekah dan membantu insan yang memerlukan adalah antara matlamatnya sebagai usahawan.

"Kalau ada usahawan lain muncul dengan lagu dan meraih publisiti dalam media sosial, bagi saya itu hak masing-masing. Semua orang ada sebab apabila melakukan sesuatu.

"Saya hanya fikir untuk bisnes sahaja. Saya bukan fokus untuk jadi selebriti seperti jadi penyanyi.

"Macam sekarang pun, kami dapat banyak tawaran untuk menjaya acara hiburan. Duit yang dapat ni, banyak kepada derma yang memerlukan dan tidak kepada hiburan.



MAK CIK LEKA (KANAN) TERHARU MENERIMA RUMAH DARIPADA ALEEYA.

"Bagi saya, apabila menderma dan membantu mereka yang memerlukan. Ada yang kami bagi rumah. Itulah antara kepuasan saya dan suami dapat rasakan," katanya yang banyak membantu anak-anak dan golongan asnaf.

Antara penerima rumah daripada Aleeya dan suaminya ialah Mak Cik Leka.

Bukan sahaja membantu golongan asnaf, Aleeya dan suaminya yang dikenali sebagai *Big Boss* sering memperkenalkan produk-produk baharu agar ejen Avenys dapat menjana pendapatan.

"Terbaru, Avenys mengeluarkan tudung. Sebenarnya dah ramai

tanya sebelum ini, bila nak keluarkan tudung. Jadi apa yang kami keluarkan adalah permintaan daripada pengguna dan ejen.

"Kami mula lancarkan pada Ramadan lalu. Kita ada empat jenis tudung iaitu Rejab, Syaaban, Ramadan dan Syawal.

"Sempena Aidiladha yang akan datang pula kami ada tudung yang diberi nama Zebra, Flamingo, Leopard dan Maguro. Setiap sehelai berharga RM99.

"Dari segi rekaan, kami mempunyai perekat fesyen kami tersendiri. Bukan senang untuk kami pilih rekaan terbaik. Lebih enam bulan juga kami ambil masa untuk pilih corak.

"Kadang-kadang corak dah cantik, tapi apabila sudah keluarkan warnanya seperti lari atau berbeza dengan yang kami mahukan. Jadi kami tukar balik. Begitulah proses yang kami lakukan sehingga betul-betul puas hati dan sedap mata memandang.

"Dalam masa yang sama, Tudung Avenys mempunyai kotak tersendiri, jadi pembeli boleh merasai pengalaman buat unboxing," jelasnya lagi yang yang sebelum ini popular produk kosmetik Avenys.

"Saya harap tudung ini akan



RUMAH YANG DIHADIAHKAN KEPADA MAK CIK LEKA LENGKAP DENGAN PERABOT.

membantu lagi para ejen untuk menjana pendapatan. Itulah antara matlamat kami," ujarnya lagi.

TIDAK KEJAR GLAMOR

DALAM keadaan ramai pengasas produk berlumba-lumba untuk menjaya program hiburan, Aleeya tidak menjadikannya sebagai fokus utama.

Menurut Aleeya, jika diberi peluang terlibat dalam bidang kreatif, beliau bukanlah selaku 'pemain' utama, namun cukup sekadar penaja yang berada di sebalik tabir.

"Saya bukannya tak

sukakan hiburan, malah keluarga saya pun memang gemar menyanyi dan berhibur.

"Namun saya dan suami mempunyai empayar perniagaan untuk diuruskan, tidak hanya bergantung harap kepada kaktangan syarikat semata-mata.

"Jika mahu membabitkan diri dalam bidang ini, cukuplah sebagai penaja atau rakan strategik yang duduk di belakang kamera, tidak begitu menyerlah.

"Biar jenama atau bisnes kami yang ke depan, bukannya diri kami," ujarnya. **W.K**



ALEEYA BERSAMA SUAMINYA, BIG BOSS.

'Zero Hunger' bantu 4,000 asnaf



KORESPONDEN
KHAIRUL IDIN

PROGRAM Kasih Asnaf 'Zero Hunger' Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) yang dilancarkan selama dua tahun bermula Jun tahun ini, jelas terbukti membantu golongan asnaf mendapatkan barang keperluan asas.

Menurut penerima bantuan itu, **Azaidi Alias**, 38, inisiatif itu dapat meringankan beban golongan asnaf dalam mendapatkan barang keperluan asas.

"Saya gembira dengan adanya bantuan ini dapat menampung perbelanjaan barang makanan dan keperluan anak-anak memandangkan hasil pendapatan saya tidak mencukupi."

"Terima kasih kepada pihak MAIWP serta pembayar zakat yang tidak jemu menghulurkan bantuan seperti ini kepada golongan asnaf," katanya kepada *Wilayahku*.



HASHIM dan isteri membeli barang keperluan asas menggunakan bantuan Kasih Asnaf 'Zero Hunger' yang disalurkan oleh MAIWP di salah sebuah pasar raya di sini.

baru-baru ini.

Bagi seorang penerima bantuan itu lagi, **Hashim Ghani**, 81, menahan rasa syukur dengan bantuan yang disalurkan oleh pihak MAIWP kepadanya.

Katanya, bantuan itu amat bermakna kepada dia dan isteri kerana sebelum ini dia menerima bantuan

bulanannya sebanyak RM400 dan kini ditambah lagi RM150 untuk pembelian barang keperluan.

"Alhamdulillah dengan bantuan ini dapatlah membantu meringankan beban kami untuk belanja barang dapur dan saya berpandangan sebagai warga emas menyambut baik kaedah pembayaran tanpa tunai



HASHIM dan isterinya menunjukkan e-wallet boost mereka bernilai RM150 yang disalurkan oleh MAIWP menerusi inisiatif Kasih Asnaf 'Zero Hunger'.

kerana ia amat mudah khususnya kepada golongan seperti saya.

"Saya berasa amat bangga mempunyai kerajaan sekarang yang tidak mengetepikan golongan asnaf seperti kami," katanya.

Terdahulu, MAIWP dalam satu kenyataan memaklumkan, seramai empat ribu asnaf di pulau ini me-

nerima inisiatif itu yang selama dua tahun bermula Jun tahun ini.

"Kesemua penerima bantuan bulanan MAIWP akan mendapat RM150 yang dikreditkan terus ke akaun e-wallet boost."

"Jumlah bantuan itu membabitkan peruntukan RM14.4 juta," kata kenyataan itu. **WK**

Lions Club of Labuan Mandarin sumbang cermin mata kepada pelajar sekolah

SERAMAI 11 pelajar sekolah menerima pemeriksaan mata percuma dan cermin mata preskripsi percuma menerusi Program Eyes For School anjuran Lions Club of Labuan Mandarin, baru-baru ini.

Menurut penganjurnya, **Chua Pui Shien**, program itu adalah sebahagian daripada Program Sight First untuk menyediakan pemeriksaan penglihatan percuma, pemeriksaan mata dan sumbangan cermin mata preskripsi kepada pelajar dalam komuniti berpendapatan rendah melalui kerjasama dan sokongan Jabatan Pendidikan Labuan dan Labuan Optik.

"Seramai 11 pelajar telah dipilih dari SRJK Chung Hwa, SK Pekan Dua dan SK Layang-

Layangan," katanya pada Majlis Penyampaian Cermin Mata itu diadakan di Bilik Manikar, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan, Kompleks Financial Park Labuan baru-baru ini.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Ketua Penolong Pengarah Unit Bakat Murid, Samsul Mandisin, Sektor Pembangunan Murid, Sally Hue, Pengerusi Pengangsur, Jessica Lee, Penyelaras Perkhidmatan Kelab, Yuki Wong dan Presiden Kelab/Pengerusi Zon 12 Daerah 308-A2.

Sementara itu, Samsul mengucapkan terima kasih kepada Lions Club of Labuan Mandarin bukan sahaja atas program ini tetapi juga hubungan jangka panjang dalam program kurikulum dan sukan serta projek khidmat

masyarakat sebelum ini termasuk sumbangan 219 paket makanan kepada pelajar yang memerlukan daripada keluarga B40 daripada 41 sekolah di Labuan semasa tempoh pandemik.

Chua berkata program itu adalah hasrat kelab kami untuk mengurangkan risiko kebutaan yang boleh dicegah dan membantu mereka yang mengalami masalah penglihatan, terutamanya di kalangan orang muda dan tua melalui program itu.

"Kami berharap dengan pemberian kecil ini, kami dapat memberikan penglihatan yang lebih baik dan membantu mereka dalam persekitaran dan mengurangkan risiko kecederaan kepada mereka akibat penglihatan mata yang lemah," katanya. **WK**



CHUA (depan, dua kanan) Samsul (depan, dua dari kiri) bersama 11 pelajar sekolah yang menerima sumbangan cermin mata.



Ibu tunggal terima bantuan rumah daripada MAIWP

HASRAT seorang ibu tunggal **Rusnah Mohamad**, 61, untuk memiliki kediaman baharu tercapai apabila menerima kunci rumah menerusi bantuan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) Labuan, baru-baru ini.

Lebih menggembirakan, dia dan keluarga telah berpindah pada bulan Ramadan dan dapat merayakan Hari Raya Aidilfitri di rumah baharu itu.

Menurutnya, sebelum ini dia dan keluarga terpaksa berteduh di rumah lama yang telah usang sejak 20 tahun lalu.

"Syukur alhamdulillah, sekarang saya dan keluarga dapat tinggal di rumah ini. Terima kasih kepada pihak MAIWP dan pembayar zakat yang membantu kami sekeluarga," katanya kepada pemberita pada majlis Penyerahan Kunci Rumah itu di Kampung Pohon Batu, ba-

ru-baru ini.

Sementara itu, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP, **Mohd Nizam Yahya** berkata sepanjang tahun ini pihaknya telah membina pulih lapan buah rumah dan membina dua buah rumah asnaf di pulau ini.

"Ini bagaimana MAIWP menunjukkan kecaknaan, keprihatinan kepada golongan yang memerlukan."

"Kita juga berkesempatan menziarahi beberapa keluarga asnaf di sini dan kita mahu melihat keperluan tambahan yang diperlukan oleh mereka dalam tempoh peralihan fasa pandemik ke endemik," katanya.

Terdahulu, beliau turut berkesempatan menziarahi dua keluarga asnaf iaitu Laja Zainudin di Kampung Gersik dan Mohd Izwani Matzamin di Kampung Bebuloh laut. **WK**



Tengku Zafrul
Tengku Abdul Aziz

SEMASA saya membentangkan pendapat di Forum Ekonomi Dunia (WEF) hujung Mei lalu, saya menyatakan manusia sentiasa bergelut mencapai keseimbangan antara keuntungan jangka pendek dan pulangan jangka panjang kerana naluri kita sentiasa cenderung untuk memilih kepuasan serta-merta.

Oleh itu, tidak mudah untuk meyakinkan orang ramai untuk bertindak sekarang bagi kesenangan masa depan walaupun manfaatnya sangat jelas. Jika ia semudah itu, semua orang akan menjual insurans!

Semasa saya menjadi ketua pegawai eksekutif (CEO) sebuah bank serantau, saya sentiasa membentangkan perspektif jangka panjang kepada pemegang saham kami.

Pemegang saham lazimnya lebih cenderung kepada pandangan jangka pendek, yang boleh menyukarkan pelaksanaan rancangan penstrukturkan semula yang mengambil masa berbilang tahun.

Apabila berada dalam kerajaan, tanggungjawab untuk meyakinkan pihak berkepentingan mengenai pemikiran jangka panjang ternyata berpuluh kali lebih sukar, terutama sekali apabila berjuta-juta nyawa dan mata pencarian terancam akibat pandemik. Tekanan inflasi semasa disebabkan faktor luaran meningkatkan lagi kebimbangan jangka pendek.

Tiada formula atau panduan bagi mengharungi situasi ini untuk mengimbangi seratus peratus antara keperluan semasa dengan masa hadapan.

Sebagai penggubal dasar bertanggungjawab ke atas kewangan negara, Kementerian Kewangan (MOF) mesti membuat pertimbangan berdasarkan pelbagai faktor dan kepentingan saling bersaing.

Penggubalan dasar bertanggungjawab akan memastikan sebarang langkah adalah berbaloi dan menghasilkan pulangan baik, sama ada dalam jangka panjang atau segera.

Namun apabila COVID-19 melanda - meragut lebih enam juta nyawa, menjangkiti lebih setengah bilion populasi dunia dan meranapkan pelbagai aspek ekonomi - kerajaan di seluruh dunia, termasuk Malaysia tidak mempunyai pilihan selain memberi tumpuan kepada langkah bantuan jangka pendek untuk rakyat masing-masing, terutama golongan miskin dan mudah terkesan.

Di negara ini, mereka yang kehilangan pekerjaan dan perniagaan terjejas diberikan

Strategi ekonomi jangka panjang tanpa pandangan populis



SEJAK 2020, MOF menumpukan kepada pembinaan daya tahan sosioekonomi supaya rakyat dan perniagaan kita boleh bangkit semula dengan lebih kukuh berbanding sebelum ini.

bantuan melalui lapan pakej rangsangan serta bantuan nasional bernilai keseluruhan RM530 bilion.

Penggunaan rizab negara untuk melaksanakan vaksinasi segera dan kritikal untuk 32 juta rakyat juga bermakna kerajaan terpaksa menangguhkan beberapa rancangan pembaharuan fiskal dan jangka panjang.

KRISIS BUKA PELUANG REFORMASI

NAMUN, saya sentiasa mengingatkan rakan sekerja di MOF bahawa krisis juga membuka pelbagai peluang untuk melaksanakan agenda reformasi fiskal. Sebenarnya, inilah masa terbaik untuk sebuah titik tolak baharu atau 'The Great Reset.'

Sejak 2020, MOF menumpukan kepada pembinaan daya tahan sosioekonomi supaya rakyat dan perniagaan kita boleh bangkit semula dengan lebih kukuh berbanding sebelum ini, lebih-lebih lagi sekiranya krisis seperti COVID-19 atau lebih serius, datang melanda pada masa hadapan.

Apa yang penting ialah pengukuhan daya tahan fiskal, kerana tanpanya kita tidak akan mampu untuk membantu rakyat kembali pulih dan berkembang maju.

Untuk membina asas bagi pembaharuan jangka panjang melalui keputusan yang dibuat pada hari ini, MOF dipandu tiga prinsip utama: RESPONSIF; BERTANGGUNGJAWAB dan REFORMIS.

Seboleh-bolehnya, pelbagai dasar adalah berdasarkan kepada prinsip alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) serta pertimbangan Matlamat

Pembangunan Mampan (SDG).

Oleh itu, langkah RESPONSIJ jangka pendek dikendalikan MOF juga mesti memenuhi kriteria BERTANGGUNGJAWAB.

Dalam tempoh dua tahun yang lalu, kami juga memetakan kebanyakan langkah belanjawan terhadap SDGs tertentu untuk memastikan kesejahteraan masa depan negara.

Satu contoh baik ialah dasar meluaskan liputan program perlindungan sosial kepada kumpulan lebih terdedah seperti ibu tunggal dan sektor tidak formal/gig.

Di bawah bajet tahun ini, kerajaan juga memperuntukkan RM80 juta untuk melanjutkan perlindungan sosial kepada suri rumah dan balu daripada risiko hilang upaya, sakit, atau usia tua melalui Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO). Semua ini adalah keputusan dasar semasa untuk kesejahteraan masa depan rakyat.

Satu lagi contoh adalah bagaimana kita berjaya mendaftarkan kebanyakannya golongan B40 dan M40 ke dalam sistem apabila kita mula memberikan bantuan tunai langsung pada 2020-2021. Ramai penerima lega kerana bantuan dikreditkan terus ke dalam akaun bank mereka.

PANGKALAN DATA BERPUSAT

BAGI langkah bantuan langsung seterusnya, kita menggunakan pangkalan data pusat sama, yang sentiasa dikemas kini dan disemak silang terhadap data 27 agensi kerajaan untuk meminimumkan ralat dalam pelaksanaan dasar

“Di bawah bajet tahun ini, kerajaan juga memperuntukkan RM80 juta untuk melanjutkan perlindungan sosial kepada suri rumah dan balu daripada risiko hilang upaya, sakit, atau usia tua melalui Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO). Semua ini adalah keputusan dasar semasa untuk kesejahteraan masa depan rakyat.

masa hadapan.

Langkah seperti Latihan Semula dan Peningkatan Kemahiran HRD Corp juga adalah berdasarkan pandangan jangka sederhana dan jangka panjang kerana penting untuk kita mengelakkan kemahiran seseorang walaupun semasa mencari pekerjaan. Jika tidak, kemahiran hilang akan lebih sukar untuk dipupuk kembali kemudian.

Walaupun kami bersikap RESPONSIJ dalam jangka pendek, MOF juga BERTANGGUNGJAWAB dari segi fiskal. Kami merancang untuk membentangkan Akta Tanggungjawab Fiskal (FRA) kepada Parlimen menjelang akhir tahun ini.

Ia akan turut merangkumi strategi hasil jangka sederhana dan prinsip panduan mengenai aspek seperti asas hasil lebih luas serta had hutang statutori.

Dari segi kewangan, sesebuah negara mesti diselia dan dikawal dengan ketat, supaya kita mempunyai sumber mencukupi untuk melaksanakan program REFORMASI sesuai dan memenuhi agenda ESG negara.

Semua ini, dan banyak lagi, juga dikongsikan dalam Kenyataan Pra-Bajet diterbitkan baru-baru ini, yang menetapkan keutamaan kami untuk Bajet 2023.

REFORMASI berlandaskan ESG mampu membina daya tahan sosioekonomi jangka panjang dan ini adalah pertahanan terbaik terhadap kejutan dan pandemik masa depan.

Malah, usaha negara ke arah kelestarian sudahpun bermula dengan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) seperti Khazanah, KWSP

dan Permodalan Nasional Berhad (PNB) yang sudahpun melancarkan rangka kerja dan sasaran kemampanan masing-masing.

Dari segi pembiayaan, sektor perbankan turut mempunyai rangka tindakan sektor kewangan baharu bagi lima tahun akan datang untuk menggalakkan pembiayaan menyokong, antara lain, matlamat kemampanan Malaysia.

FISKAL KUKUH SEBELUM BERLUMBA

BAGAIMANAPUN, komunikasi berterusan adalah penting untuk menyampaikan mesej bahawa pembangunan jangka panjang adalah seperti maraton, kita perlu menyiapkan diri kita secara fizikal. Untuk itu, kekuahan fiskal adalah ibarat badan sihat untuk memulakan perlumba.

Reformasi adalah lebih sukar, umpama memotong anggota dijangkiti barah (contohnya, subsidi menyeluruh) dan menjalani kemoterapi (perbelanjaan bertanggungjawab) untuk kita terus hidup.

Dalam menyesuaikan keperluan jangka pendek dan faedah jangka panjang, MOF sentiasa mencuba untuk mencari penyelesaian dasar terbaik yang akan memanfaatkan bilangan penerima terbesar dan mempertimbangkan kepentingan pelbagai pihak.

Setakat ini, saya percaya MOF membuktikan ia cukup RESPONSIJ untuk memastikan bukan sahaja kemenangan pantas, tetapi juga kestabilan jangka sederhana dan perubahan jangka panjang BERTANGGUNGJAWAB yang akan membantu kita menangani landskap sentiasa berubah untuk REFORMASI berkekalan.

Sudah pasti akan sentiasa ada cabaran di sepanjang jalan ke arah pembangunan mampan tetapi saya optimis terdapat ramai Keluarga Malaysia bertanggungjawab, dengan keazaman dan pandangan jauh, tidak mudah terpengaruh dengan pandangan jangka pendek dan populis yang boleh menjelaskan masa depan anak-anak kita dan generasi akan datang.

Bak kata pepatah, berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ke tepian, bersakit-sakit dahulu, bersenang-senang kemudian.

Penulis adalah Menteri Kewangan.



MUHD Muqhzeen menunjukkan proses pembuatan corak kaligrafi ke atas permukaan cawan dan bingkai gambar kepada wartawan Wilayahku sewaktu ditemui di kedainya di Danau Kota, baru-baru ini.

Mula-mula hobi, kini pendapatan cecah puluhan ribu ringgit



HAZIRAH HALIM

BERMULA dengan hanya sekadar hobi, kini seni tulisan kaligrafi memberi rezeki berganda buat dua sahabat baik apabila perniagaan yang diusahakan di Danau Kota, Setapak, Kuala Lumpur berjaya memperolehi tempahan sebanyak 15,000 bingkai kaligrafi sejak beroperasi awal Oktober 2021.

Berkongsi cerita tentang perniagaan kecil-kecilan Multimegshop yang dijalankan, **Muhsin Muqhzeen Zolkaplie**, 28, berkata pelbagai cabaran dilalui bersama rakan kongsi, Iskandar Zulkarnain Md Azman, 27, sewaktu mula menceburkan diri dalam kaligrafi.

"Kami mengambil masa selama tiga bulan untuk mahir dalam tulisan kaligrafi Allah, Muhammad dan surah kerana ia memerlukan kepakaran dan kreativiti yang tinggi untuk menghasilkannya.

"Seni khat atau tulisan kaligrafi mempunyai kesenian unik dengan lengkok huruf serta susunan perkataan yang juga mempunyai maksud tersendiri kerana itu ia perlukan ketelitian," ujarnya yang mengaku

mempelajari seni tulisan tersebut hanya melalui laman YouTube.

Katanya, pada permulaan mereka hanya memuat naik hasil seni tersebut di laman Instagram dan Facebook peribadi masing-masing, namun tidak menyangka ia mendapat maklum balas positif daripada rakan-rakan.

Akuinya lagi, antara koleksi sukar dihasilkan adalah rekaan kaligrafi Surah Al-Ikhlas yang mengambil masa selama empat jam untuk disiapkan.

"Bukan sahaja berdepan dengan kesukaran rekaan sahaja, kami juga turut mempunyai masalah mendapatkan peralatan dan pembekal kayu murah selain ketelitian untuk menyamakan rekaan bingkai yang tepat dengan menggunakan warna mahal atau murah.

"Penggunaan mesin arkilik juga pada awalnya susah namun untungnya setiap cabaran kami atasi bersama," ujarnya kepada *Wilayahku* antara cabaran besar lain adalah berhadapan dengan kerentah pelanggan.

Tambahnya, mereka mempunyai tiga jenis rekaan mengikut saiz tertentu iaitu Allah dan Muhammad, surah dan zikir serta bingkai bercorak 3D yang dihasilkan 100 peratus daripada arkilik dan *wainscoting*.

"Kami memilih menggunakan arkilik untuk mengelakkan ia mudah pecah dan retak terutama ketika penghantaran ke luar

kawasan Kuala Lumpur seperti Terengganu, Johor, Sabah dan Sarawak.

"Tiada rekaan siap sedia, hanya pelanggan yang menempah sahaja kami akan buat kerana satu rekaan mengambil masa yang lama untuk *tracing*. Kalau main-main nanti rekaan akan lari daripada saiz sebenar bingkai," jelasnya mengakui sebanyak tiga tempahan boleh disiapkan dalam masa satu hari.

"Walau bagaimanapun, respons yang kami terima sangat baik tetapi pelanggan mencadangkan supaya kami perbanyakkan lagi pilihan warna dan rekaan kerana buat masa ini hanya ada kelabu, hitam dan putih sahaja," ujarnya.

Tambahnya, selain daripada bingkai kaligrafi, Multimegshop juga sedang menghasilkan pelbagai rekaan lain seperti penutup cawan; rehal Al-Quran; nombor plat kendaraan arkilic rantai kunci; modal 3D dan bingkai untuk perkahwinan.

HARGA B40

JIKA dilihat diluar sana, seni kaligrafi dijual dengan harga belasan ribu. Namun menariknya mereka memilih untuk menjual pada harga yang jauh lebih mudah dan semestinya mampu untuk dimiliki oleh golongan B40.

"Kami hasilkan sebuah seni yang boleh dimiliki orang ramai kerana kami tahu semua orang sukakan kecantikan. Untuk itu, kami mengenakan harga di bawah RM1,000 iaitu bermula RM350 sehingga RM900 sahaja.

"Alhamdulillah, kami menerima 100



MUHD Muqhzeen (kiri) bersama Iskandar Zulkarnain mahu meluaskan lagi rangkaian perniagaan Multimegshop yang diusahakan sejak tahun lalu ke peringkat lebih tinggi.

tempahan dari sebuah Yayasan dan target untuk tahun 2022 adalah kami mahu meluaskan lagi perniagaan, menyebarkan lebih banyak kesedaran tentang seni kaligrafi, perbanyakkan rekaan menarik dan terutama sekali kami mahu membeli mesin lebih besar serta berpindah ke tempat yang lebih luas untuk memudahkan proses pembuatan," katanya.


Tambahnya, selain menyiapkan tempahan kaligrafi, mereka juga sedang memproses tempahan bingkai perkahwinan dan rehal yang kini mendapat permintaan tinggi daripada orang ramai.

Bagi yang ingin mendapatkan koleksi Multimegshop terutama bingkai kaligrafi, boleh layari laman media sosial Instagram dan Facebook, @multimegshop selain melalui pautan di Instagram yang mana pelanggan boleh melihat pelbagai pilihan set rekaan, saiz dan warna bingkai.

Terdapat pelbagai ukuran saiz kaligrafi antaranya Allah and Muhammad yang terdiri daripada

saiz A (30x30 cm), saiz B (39x39 cm), saiz C (40x40 cm) dan saiz D (60x60 cm) manakala surah dan zikir memiliki tiga saiz sahaja iaitu 40x60 cm, 40x90 cm dan 60x120 cm serta bingkai bercorak 3D bersaiz 60x60 cm dan 90x90 cm.

WK



PAPAN saguhati bertulis tanda penghargaan Multimegshop kepada Wilayahku.



Fadlun komited kemudi PPj capai bandar raya mampan bertaraf dunia



AINI MAWAWI

DISIPLIN dan fokus dalam gerak kerja merupakan antara amalan penting yang perlu diberi perhatian oleh warga kerja dalam memastikan visi Perbadanan Putrajaya (PPj) sebagai bandar raya pentadbiran mampan bertaraf dunia mampu dicapai.

Menurut Presiden baharunya, **Datuk TPr Fadlun Mak Ujud**, dengan adanya disiplin tersebut, maka segala penyampaian kepada komuniti dan pemegang taruh mampu disampaikan dengan cara terbaik.

"Saya mengharapkan warga PPj tetap bersemangat untuk mengekalkan penanda aras sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang cemerlang dan rujukan PBT lain di seluruh negara," ujar beliau ketika Majlis Perbarisan Ulung Presiden Baharu PPj bertempat di Gerbang Kompleks PPj, pada Selasa.

Dalam ucapannya, Fadlun turut mengharapkan warga kerja memberi sokongan padu



FADLUN (empat kanan) mengimbas cap jari perakam waktu hari pertama sebagai Presiden PPj. Turut hadir Naib-naib Presiden PPj.

kepada beliau dalam mengemudi PPj sekali gus berupaya memperkasakan melalui tadbir urus dinamik dan berinovasi.

"Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Menteri

Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim serta seluruh warga kerja PPj di atas kepercayaan tinggi yang diberi selama ini," ujar beliau yang turut mengimbas cap jari perakam

waktu bagi mulakan hari pertama sebagai presiden baharu.

Dalam majlis tersebut, beliau turut terlibat dalam Acara Tabik Hormat dan Memeriksa Perbarisan Kawalan Kehormatan Utama

Penguat Kuasa Perbadanan Putrajaya yang melibatkan dua orang pegawai dan 30 orang anggota penguat kuasa.

Terdahulu, Fadlun dilantik sebagai Presiden merangkap Pengurus PPj yang baharu untuk tempoh dua tahun berkuat kuasa mulai 1 Jun 2022. Beliau menggantikan Datuk Muhammad Azmi Mohd Zain yang dinaikkan pangkat sebagai Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

Pelantikan beliau sebagai presiden ketujuh adalah selaras dengan perenggan 5(1)(a) Akta Perbadanan Putrajaya 1995 (Akta 536).

Sebagai rekod, Fadlun, 55, berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Desa dari Universiti Teknologi Malaysia mempunyai 27 tahun pengalaman sebagai penjawat awam khususnya di PBT yang mana 22 tahun perkhidmatan beliau adalah di PPj.

Beliau memulakan kerjaya di PPj sebagai Pegawai Perancang Bandar dan Desa pada Mac 2000, dan jawatan terakhir beliau sebelum dilantik untuk menyandang jawatan baharu ini adalah Naib Presiden Kanan (Perkhidmatan Korporat), PPj. WK

Reaksi warga kerja Perbadanan Putrajaya

SETELAH 27 tahun ditubuhkan, tahun ini merupakan detik pertama jawatan Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj) disandang dalam kalangan warga PPj sendiri.

Malah pelantikan Datuk TPr Fadlun Mak Ujud sebagai Presiden merangkap Pengurus PPj baru-baru ini disambut baik warga PPj yang rata-ratanya teruja atas pelantikan tersebut.

Mereka menyifatkan, Fadlun merupakan individu yang layak berdasarkan pengalaman beliau berkhidmat selama 22 tahun di PPj sekali gus mampu mengemudi atas kapasiti pengetahuan dan kemahiran yang luas.

Menurut Pengarah Komunikasi Korporat PPj, **TPr Norzita Abdul Razak**, detik bersejarah

presiden yang disandang dalam kalangan warga PPj akan memberi peluang dan motivasi kepada generasi muda.

"Bila ada sejarah lantikan seperti ini maka kaitangan yang istiqamah dan memiliki prestasi konsisten serta semangat kerjasama yang utuh berpeluang untuk dipertimbangkan oleh pengurusan

tertinggi menjadi presiden," ujarnya.

Tambahnya lagi, dengan pengalaman selain kredibiliti sebagai ketua tidak mustahil beliau mampu melonjakkan PPj ke arah menjadi bandar raya bertaraf dunia sedikit masa lagi.

Dalam masa yang sama, Norzita berkata, diharapkan selepas ini, lebih banyak peluang diberikan kepada pihak pengurusan, pengurusan pertengahan, warga sokongan dan sebagainya di organisasi tersebut.

"Setelah 27 tahun, saya rasa perlu dilihat dari segi makna pentadbiran keperluan yang boleh dikaji sekiranya boleh diwujudkan jabatan baru dan di situ juga warga PPj akan mendapat peluang kenaikan pangkat atau ditempatkan di tempat baharu. Walau bagaimanapun, ini tertakluk kepada kesediaan bajet dan keperluan kritis yang perlu dipertimbangkan," ujarnya.

Sementara itu, Penolong Pengarah Kanan Penguat Kuasa PPj, **Rozaimi Ramli**, berharap dengan pelantikan tersebut akan membawa PPj kearah yang lebih gemilang pada masa hadapan.



NORZITA



ROZAIMI

"Kami bangga beliau bermula daripada kaktangan biasa tetapi berjaya naik sampai bergelar presiden yang merupakan

jawatan paling tinggi di PPj. Beliau sememangnya individu yang paling layak," ujarnya kepada Wilayahku.

Bagi Ketua Penolong Pengarah Bahagian Komunikasi Korporat, **Wan Aslina Wan Awang**, dia yakin Fadlun mampu menerajui bandar Putrajaya sebagai pusat pentadbiran kerajaan yang unggul dan ternama.

"Syabas, seluruh PPj akan menyokong datuk," ujarnya.

Selain itu, menurut Pegawai Teknologi Maklumat, PPj, **Shahamizan Shahudin**, Fadlun merupakan seorang yang mudah mesra dan senang didekati.

"Saya rasa kaktangan nak sumbang idea dengan beliau tak ada masalah kerana beliau seorang yang sangat positif," ujarnya.



SHAHAMIZAN



AKSI Daniea dalam saingan NSL 2022 yang sedang berlangsung.

Johor Jewels pencabar terdekat

NSL 2022: Daniea yakin KL Wildcats pertahan juara

AINI MAWAWI

ATLET bola jaring Wilayah Persekutuan, Siti Nur Daniea Alisyah Iqma Syamsul Rakesh, 20, yakin KL Wildcats mampu pertahan juara pada saingan Liga Super Bola Jaring (NSL) 2022 yang sedang berlangsung di Stadium Juara, Bukit Kiara dari 3 hingga 26 Jun.

Katanya kepada *Wilayahku*, dalam tempoh dua minggu perlawanan, mereka masih mampu mengekalkan kedudukan di tempat ketiga teratas dan berharap mampu meraih kejayaan seperti yang diharapkan.

"Alhamdulillah setakat ini semua dalam keadaan baik. Kami juga berpuas hati dengan rent-



ak permainan dan bangga boleh sampai ke tahap ini. Tekanan itu perkara biasa namun kami dapat atasi dengan komunikasi antara satu sama lain.

"Lagi pula kami mempunyai jurulatih yang berpengalaman, Norizan Rejab yang banyak membantu pasukan dengan cara dia tersendiri selain kami juga sudah bersedia dengan kejohanan sejak pandemik tempoh hari lagi.

"Kami suka dengan cara jurulatih kerana dia akan memastikan pemain bermain di semua posisi ketika berlatih. Jadi, dia akan nampak kelemahan serta kelebihan setiap pemain," ujarnya yang berada di posisi penjaring.

Ditanya tentang saingan daripada pihak lawan, Daniea mengakui Johor Jewels antara lawan yang

sengit memandangkan kekuatan pasukan tersebut yang mempunyai pemain import tempatan dan antarabangsa.

"Mereka ada bekas kapten Selangor Angels, An Najwa Azizan dan bekas kapten KL Wildcats, Nur Syafazliana Mohd Ali, selain pemain Sirima Samnaree dari Thailand dan Gayani Dissanayake dari Sri Lanka," ujarnya lagi.

Terdahulu, lapan pasukan iaitu KL Wildcats, Johor Jewels, Selangor Angels, Perak Phoenix, Melaka Mystic, Negeri Sembilan Venom, Kedah Sunshine dan Pahang Tulip berentap memburu kejuaraan.

Menyentuh tentang persiapan SUKMA September akan datang, bekas atlet Selangor ini sedang menunggu keputusan pelepasan daripada negeri tersebut untuk bersama dengan Kuala Lumpur.

Pencapaian Daniea

2021 - NSL, Stadium Juara, Mont Kiara - **Johan**

2018 - Kejohanan Remaja Kebangsaan (wakil Selangor) - **Naib Johan**

2018 - Kejohanan Terbuka, Mont Kiara - **Tempat Ketiga**

"Persiapan semua berjalan lancar dan saya sendiri sudah bersedia untuk mewakili Kuala Lumpur. Saya yakin kami akan menjadi juara untuk kali ini lagipun ini merupakan tahun terakhir saya layak untuk bermain SUKMA," ujar anak sulung daripada tiga orang adik-beradik ini. **WK**

Agong ucap tahniah kepada skuad Harimau Malaya layak ke Piala Asia 2023

YANG di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah menzahirkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada skuad bola sepak kebangsaan dan barisan kejurulatihan atas kejayaan mara secara merit ke pusingan akhir Piala Asia 2023.

Menerusi kenyataan di Facebook Istana Negara, Seri Paduka menzahirkan rasa syukur dan sukacita atas kejayaan serta semangat juang yang telah dipamerkan di pusingan kelayakan yang berakhir semalam.

Al Sultan Abdullah turut menzahirkan ucapan terima kasih kepada para penyokong atas sokongan padu yang telah diberikan kepada skuad Harimau Malaya

dalam perjuangan mengakhiri pentarian selama 42 tahun.

"Seri Paduka menzahirkan harapan semoga pencapaian ini menjadi suntikan semangat buat skuad kebangsaan untuk lebih bekerja keras mencapai hasil yang terbaik di kejohanan Piala Asia 2023 kelak."

"Seri Paduka mendoakan semoga skuad kebangsaan memperoleh kejayaan dan melakarkan sejarah baharu di kejohanan tersebut. Tahniah dan teruskan perjuangan di kejohanan Piala Asia 2023!" menurut kenyataan itu.

Malaysia menamatkan penantian lebih empat dekad apabila melayakkkan diri secara merit ke Piala Asia 2023 selepas membenam

Bangladesh 4-1 dalam aksi terakhir Kumpulan E Kelayakan Piala Asia 2023 di Stadium Nasional Bukit Jalil Selasa lalu.

Keempat-empat gol pasukan negara malam tadi masing-masing dijaringkan Muhammad Safawi Rasid, Dion Cools, Muhammad Syafiq Ahmad dan pemain gantian Darren Lok.

Gol tunggal pasukan Bangladesh dijaringkan Mohammad Ibrahim.

Kali terakhir Malaysia membuat penampilan di Piala Asia adalah pada edisi 2007 ketika menjadi tuan rumah bersama, namun sudah 42 tahun pasukan negara gagal layak secara merit sejak edisi 1980 di Kuwait. - **BERNAMA**

SKUAD Harimau Malaya meraikan kemenangan layak mara ke pusingan akhir Piala Asia 2023.



SHAHIDAN (tengah) meraikan kemenangan sejurus pemilihan Presiden KOM.

Shahidan kembali bergelar Presiden KOM

DATUK Seri Dr Shahidan Kassim kembali menerajui Kesatuan Olahraga Malaysia (KOM) bagi penggal 2022/2025 setelah kali terakhir menyandang jawatan presiden pada tahun 2008 hingga 2012.

Beliau yang juga Menteri Wilayah Persekutuan menang satu lawan satu dengan mewaskan penyandang jawatan, Datuk SM Muthu.

Shahidan mendapat 20undi berbanding 16 diperoleh

Muthu menerusi 36 perwakilan yang hadir pada Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) yang berlangsung 12 Jun lalu.

"Beri saya peluang meningkatkan semula sukan olahraga dan fokus adalah memastikan kecemerlangan atlet di peringkat Sukan SEA, Sukan Asia, Sukan Komanwel dan Sukan Olimpik," ujar beliau pada sidang media.

Sementara itu, jawatan timbalan presiden pula dimenangi Datuk Fadzil A Bakar. **WK**



NSL 2022: Daniea yakin KL
Wildcats pertahan juara ►►23

Libat 150 Ketua Iisi Rumah menjelang hujung tahun

KWP, UM kerjasama basmi miskin tegar

HAZIRAH HALIM

KEMENTERIAN Wilayah Persekutuan (KWP) dan rakan strategiknya, Universiti Malaya (UM) menerusi Program Pembasmian Kemiskinan Keluarga Malaysia Fasa 1 komited membantu 150 Ketua Iisi Rumah (KIR) miskin tegar keluar dari kemiskinan menjelang akhir tahun ini.

Pemangku Pengarah Pusat Pengajian Pembangunan Ungku Aziz, Universiti Malaya, Profesor Dr Rohani Jani memaklumkan sasaran tersebut selaras dengan hasrat kerajaan yang mahu membasi kemiskinan tegar menyeluruh di Wilayah Persekutuan.



ROHANI

Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kerinch, Desa Rejang, Kampung Muhibbah dan Taman Mulia serta dua lokality di Labuan iaitu Kampung Sungai Bedau dan Kampung Patau-Patau," ujar beliau.

Walau bagaimanapun, hanya 25 peserta sahaja yang hadir menyertai sesi tersebut dan sebahagiannya pula akan dibawa pada sesi seterusnya.

Mengulas tentang program tersebut, kesemua peserta terlibat yang merupakan usahawan kecil diberi penerangan kursus asas perniagaan, pemasaran dan penjenamaan produk yang meliputi strategi, kaedah dan cara perniagaan secara atas talian menerusi Facebook, Instagram dan sebagainya.

"Mereka terlibat dalam bidang masakan, jahitan, urutan, pembuatan roti dan lain-lain namun ada dalam kalangan mereka masih tidak diberi pendedahan dan tidak tahu bagaimana cara untuk menjalankan perniagaan online," ujar beliau ketika ditemui pada Program Pembasmian Kemiskinan Tegar Keluarga Malaysia Fasa 1 di Perpustakaan 1 Wilayah, Lembah Pantai, Jalan Kerinch, pada Rabu.



DR Rohani Jani (japan dari kanan), Dr Yusniza Kamarulzaman (enam dari kiri) dan Penolong Setiausaha Kanan Bahagian Sosio Ekonomi KWP, Amarul Hafis Yahya (lima dari kiri) bergambar bersama 25 peserta Program Pembasmian Kemiskinan Keluarga Malaysia Fasa 1 di Perpustakaan 1 Wilayah, Lembah Pantai, baru-baru ini.

Kata beliau, sepanjang program tersebut, Pensyarah Fakulti Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Malaya, Profesor Dr Yusniza Kamarulzaman telah berkongsi teknik asas pemasaran digital, penjenamaan produk serta kuasa viral dengan menggunakan platform e-dagang bagi memperluaskan rangkaian

perniagaan mereka sekali gus meningkatkan pendapatan melalui ruang pasaran digital.

"Program tersebut juga merupakan rancangan KWP, UM serta beberapa rakan strategik lain dalam tempoh dua tahun selain pemantauan berterusan terhadap prestasi peserta akan dilakukan bagi melihat keberkesanan

program.

"Dalam tempoh enam bulan, mereka akan dipantau dan sekiranya kami melihat sudah ada perkembangan dari segi kebolehcapaian pemasaran dan kestabilan pendapatan sekeluar-ga barulah kami akan lepaskan untuk berdiri sendiri," kata beliau. WK

Jamal Abdillah hargai seniman negara, Ahmad Nawab

DEEL ANJER

SENIMAN Negara Datuk Seri Ahmad Nawab adalah legenda muzik tanah air yang terus dihormati dan dikenang kerana karya malar segarnya.

Sebagai penghargaan kepada beliau, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya menerusi agensi-sinya Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) dan Istana Budaya (IB) bersama Bin Jamal Event Sdn Bhd mengajurkan Konser Tribut Seniman Negara, Datuk Seri Ahmad Nawab pada bulan depan khas buatnya.

Sebagai pengelola konsert itu, penyanyi **Datuk Jamal Abdillah** sangat berbesar hati dan memuji semangat legenda berusia 90 tahun berkenaan untuk membuat penampilan di konsert terbabit.

"Kali terakhir saya menziarahi beliau, keadaannya memang agak uzur. Konser ini hampir tidak diteruskan kerana mengambil kira kesihatannya, takut dia tak mampu beraksi."

"Bagaimanapun, beliau setuju dan bersemangat untuk buat penampilan khas. Mungkin paling-paling beliau akan bermain saksofon pada penghujung konsert itu nanti," katanya.

Berlangsung tiga hari dari 1 hingga 3 Julai di Panggung Sari, IB, Jamal sendiri yang akan beraksi menyanyikan lagu-lagu ciptaan Ahmad Nawab.

Selain Jamal, penyanyi lain yang turut membuat persembahan ialah Datuk Khatijah Ibrahim, Ramlah Ram, Shidee, Alif Nasir, Wany Hasrita dan ramai lagi.

Pada malam itu, persembahan




PENGARAH Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Sukan DBKL, Khairul Azmir Ahmad (dua dari kanan) antara rakan strategik konsert.

mereka bakal diiringi orkestra Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Mengenai pemilihan Wany

Hasrita, Jamal mahu menarik lebih ramai anak muda untuk membeli tiket seterusnya menikmati karya-karya Ahmad Nawab.



JAMAL
ABDILLAH

"Saya juga memutuskan untuk pilih Wany Hasrita menyanyi nanti. Ini kerana dia memiliki jumlah pengikut yang ramai dan pasti boleh menarik penonton muda untuk hadir," ujarnya lagi. WK